

BAB DUA

KONSEP DAN TEORI

2.1 Konsep Budaya

Budaya didefinisikan sebagai perkara-perkara berkaitan dengan budi dan akal. Istilah budi membawa maksud asli, pertama, sejati dan dipandang sempurna manakala daya pula dimaksudkan sebagai akal, jalan fikiran dan ciptaan (Rohana Yusof, 2010: 75). Istilah budi juga dimaksudkan sebagai kecerdasan fikiran dan akal seseorang manusia dalam usaha mengatasi permasalahan dengan mencari jalan penyelesaian manakala istilah daya merujuk kepada kekuatan tenaga dan kuasa yang digunakan untuk membantu menjana pemikiran bagi menangani sesuatu permasalahan. Jika penyelesaian yang diambil daripada hasil pemikiran tersebut diterima dan dapat dijadikan amalan bersama, ianya diterima sebagai budaya dalam kehidupan (Syed Ismail Syed Mustapa & Ahmad Subki Maskon, 2010: 1-2).

Istilah budaya dalam bahasa Inggeris ialah ‘*culture*’ yang berasal daripada perkataan bahasa Latin yang berbunyi ‘*colere*’. Ia bermaksud kehidupan manusia yang sentiasa memelihara dan mengerjakan pelbagai tindakan yang boleh menghasilkan tindakan budaya (Suwardi Endraswara, 2006:4). Pandangan Abdul Latif Abu Bakar (1987: v) bahawa, istilah budaya merupakan sesuatu yang sukar untuk ditafsirkan dan ianya mempunyai pengertian yang luas, jelas menunjukkan teminologi budaya mempunyai pelbagai pengertian dan tafsiran berbeza dalam kalangan para sarjana.

Dalam usaha mencari pendefinisian istilah budaya, pengkaji mendapati wujudnya jurang perbezaan pendapat di antara sarjana Barat, tempatan dan Tamil. Oleh yang demikian, pengkaji melihat pandangan mereka secara berasingan supaya dapat memperlihatkan satu hubungkait yang lebih tersusun dalam usaha mencari pendefinisian istilah budaya tersebut.

2.1.1 Tafsiran Budaya Mengikut Sarjana Barat

Pelbagai pengertian tentang konsep budaya telah diutarakan oleh sarjana-sarjana Barat mengikut hasil pemerhatian dan kajian terhadap masyarakat masing-masing. Pandangan Williams Raymond (1976: 87) bahawa istilah '*culture*' merupakan antara istilah yang sukar ditafsirkan dalam bahasa Inggeris, menjelaskan tentang kesukaran pemahaman terhadap konsep budaya. Dalam hal ini, E.B.Taylor (1974: 1), seorang pakar antropologi serta perintis dalam bidang pentakrifan budaya, mendefinisikan budaya dalam hasil bukunya berjudul, *Primate Culture*, seperti berikut:-

“Culture or Civilization, taken in its wide ethnographic sense, is that complex whole which includes knowledge, belief, art morals, law, customs, and any other capabilities and habits acquired by man as a member of society”

E.B. Taylor (1958: 1) melihat, budaya sebagai sebuah kompleks yang merangkumi pelbagai bidang. Beliau juga melihat budaya sebagai kajian tentang pemikiran manusia yang beasaskan tindakan. Namun demikian, pengertian ini dianggap kurang tepat oleh beberapa orang sarjana yang berpandangan, Edward B.Taylor tidak menunjukkan perbezaan bagi organisasi sosial serta institusi sosial daripada konsep budaya secara amnya (S. Milton, 1968: 527).

Ralph Linton (1947: 21) seorang pakar sosiologi, menjelaskan bahawa budaya ialah satu susunan perlakuan yang dipelajari dan dikaitkan dengan kehendak atau fungsi yang kekal dalam masyarakat yang digunakan bersama dalam masyarakat yang berkenaan. A.L Kroeber (1972: 107), menegaskan bahawa, idea dianggap sebagai eleman yang penting dalam budaya. Pernyataan berikut memantulkan pendapat beliau dalam bukunya yang berjudul, *The Nature Of Culture* seperti berikut:-

“...at any rate such human behavior as is influenced or conditioned by ideas of forms and in turn is engaged producing, maintaining or modifying them”

A.L Kroebor memberikan pandangan bahawa, manusia dipengaruhi atau diarah oleh bentuk-bentuk idea dan beralih kepada penghasilan, penerusan dan pengubahsuainya, dalam apa jua situasi. Richard Kluckhohn (1962: 25) pula menjelaskan, budaya ialah satu aspek dalam kehidupan manusia yang mana bahagian itu dipelajari oleh manusia sebagai keputusan kepunyaan kepada kumpulan tertentu yang sama dan bahagian tingkah laku yang dipelajari itu dikongsi bersama.

Walaupun ramai sarjana telah menjelaskan konsep budaya dengan terperinci, namun bagi mendapatkan satu pemahaman yang baik seseorang perlu membaca penulisan Krober dan Kluckhohn. Kedua-dua sarjana tersebut, telah menyeneraikan lebih 160 ciri-ciri budaya. Suwardi Endraswara (2006: 4) yang mengkaji hasil usaha Krober dan Kluckhohn, merumuskan konsep budaya seperti berikut:-

- i. Budaya meliputi adat istiadat, seni, hukum, moral, dan lain-lain kemahiran yang diperolehi oleh seseorang manusia dalam sesebuah masyarakat. Oleh itu, budaya dilihat sebagai kehidupan manusia yang kompleks.

- ii. Budaya dipandang sebagai satu warisan tradisi.
- iii. Budaya dianggap sebagai cara hidup manusia yang beraturan, seperti tingkah laku, nilai dan cita-cita. Ciri ini menjadikan budaya bersifat normatif.
- iv. Budaya dilihat sebagai satu langkah penyesuaian manusia dengan lingkungan sekitarnya apabila dipandang dari aspek psikologi.
- v. Budaya dilihat sebagai hasil perbuatan yang dapat membezakan antara manusia dengan haiwan.
- vi. Pendefinisan budaya tidak lengkap dan kurang bersistematik.

Penganalisisan terhadap konsep budaya yang diutarakan oleh Krober and Kluchohn di atas dapat mendedahkan kewujudan dua kategori dalam konsep budaya iaitu, kategori realistik dan kategori idealistik. Kaedah kategori realistik memberi tumpuan kepada pemerhatian ke atas tingkah laku manusia bagi memahami budaya sesuatu masyarakat, manakala kaedah kategori idealistik memberi tumpuan kepada konsep nilai, norma yang didukung oleh masyarakat tersebut bagi memahami budaya. Secara kesimpulan, kaedah realistik menggunakan pendekatan pemerhatian, manakala kaedah idealistik mengutamakan penganalisisan yang jitu (M.S.Garbarino, 1977:49).

George Foster (1953: 159-173) pula, menjelaskan bahawa konsep budaya mempunyai ciri-ciri seperti berikut:-

- i. Budaya ialah sesuatu yang boleh dipelajari.
- ii. Budaya mewujudkan perbincangan dan pendepatan bagi menghasilkan sesuatu pendefinisan yang baik.

- iii. Setiap budaya sentiasa mengalami perubahan dan bukan bersifat statik.
- iv. Setiap budaya mendukung sistem nilainya yang tersendiri.
- v. Konsep budaya dan tingkah laku yang dipertonjolkan oleh masyarakat bersifat implesit (dalaman) dan bukan bersifat luaran.
- vi. Konsep budaya menjadi landasan penting bagi mewujudkan hubungan mesra antara ahli-ahli dalam sesebuah masyarakat.

Bagi John.J.Macionis (1987: 62) pula, budaya dilihat sebagai kepercayaan, nilai-nilai, tingkahlaku dan objek kebendaan yang dikongsi bersama oleh sekumpulan penduduk yang tertentu. John J.Macionis membahagikan budaya kepada dua iaitu, budaya kebendaan dan bukan kebendaan. Budaya kebendaan merujuk kepada ciptaan manusia yang nyata dan jelas yang merangkumi segala objek yang dicipta dalam masyarakat seperti bangunan, seni, peralatan, alat permainan, media cetak, dan media elektronik dan objek-objek lain yang tegas dan nyata. Budaya bukan kebendaan pula merujuk kepada ciptaan manusia yang tidak nyata dan tidak jelas yang meliputi norma, undang-undang dan kepercayaan suatu kumpulan masyarakat.

Clifford Geetz (1973:4), dalam bukunya berjudul, *The Interpretation of Culture*, mengungkap pandangan Clyle Kluckhohn, tentang konsep budaya. Menurut Clyle Kluckhohn, budaya dilihat sebagai:-

- i. Satu cara hidup menyeluruh manusia.
- ii. Warisan sosial yang diperolehi oleh individu daripada kumpulannya.
- iii. Cara berfikir, berperasaan dan mempercayai.

- iv. Ringkasan daripada tingkah laku.
- v. Teori ahli antropologi tentang cara sebenar satu kumpulan manusia berkelakuan.
- vi. Gudang pembelajaran kumpulan.
- vii. Rangkaian orientasi standard terhadap masalah yang berulang-ulang.
- viii. Tingkah laku yang dipelajari.
- ix. Mekanisme pengawalan normatif tingkah laku.
- x. Rangkaian teknik untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran luar dan dengan orang lain.
- xi. Menyegarkan sejarah; dan mungkin disebabkan terdesak, beralih kepada perumpamaan, sebagai peta, penapis dan matriks.

M.Sangar (2011: 14) yang mengungkap pandangan Andreas Eppink, mentakrifkan budaya sebagai keseluruhan nilai sosial, norma sosial, ilmu, struktur sosial, agama serta segala pemikiran intelektual dan nilai-nilai estetika yang mewarnai sesuatu kelompok masyarakat. John Storey (1993: 2) seorang pakar antropologi, merumuskan pandangan Raymond Williams yang menawarkan tiga definisi tentang budaya, iaitu :-

- i. Budaya merupakan suatu proses umum yang menumpukkan pemikiran terhadap perkembangan spiritual, intelektual dan nilai-nilai estetika.
- ii. Budaya dilihat sebagai pandangan hidup tertentu dari masyarakat bagi satu jangka masa ataupun kelompok.
- iii. Budaya merujuk kepada karya dan praktik-praktik intelektual, terutamanya aktiviti artistik.

Proses pembelajaran budaya berlaku melalui simbol-simbol yang bermakna yang merupakan elemen penting dalam budaya. Budaya adalah informasi yang dipelajari dan dikirimkan daripada individu kepada individu dari satu generasi kepada generasi melalui simbol-simbol yang bermakna (P. Nolan, 1999:15). Hampir kesemua aspek tentang budaya dikenali secara simbol dipindahkan daripada ahli-ahli tua dari mana-mana masyarakat kepada ahli-ahli barunya (A.E. Hoebal, 1966: 22). Dalam hal ini, bahasa merupakan simbol yang penting dalam budaya. Tanpa bahasa manusia tidak dapat memancarkan atau menerima maklumat secara simbolik dan dengan demikian budaya tidak dapat diperkayakan atau dipelbagaikan (H.M.Johnson, 1995: 91-92). Penegasan terhadap elemen bahasa juga dikemukakan oleh Carol R.Ember dan Melvin Ember (1988: 18). Kedua-dua sarjana tersebut menyatakan bahawa, tanpa bahasa kita tidak boleh menghantar dan menerima maklumat secara simbolik untuk menjadi pewaris dalam budaya yang kaya dengan pelbagai elemen.

Bagi K.Dennick-Brech (2000: 38), budaya mencakupi cara pemikiran yang merangkumi kepercayaan, sistem nilai, ilmu pengetahuan, moral, bahasa, seni, undang-undang serta pola tingkah laku yang seterusnya merujuk kepada adat, kebiasaan dan fesyen. Clifford Geertz (1973: 24) pula, menjelaskan budaya bersifat interpretatif dan merupakan jaringan makna yang menjadi panduan kepada masyarakat untuk menghadapi permasalahan hidup. Tambah beliau lagi, satu ciri penting budaya ialah, ianya sering berubah dan ianya lebih daripada koleksi random tentang tingkah laku, kepercayaan dan nilai-nilai yang mana, kesemuanya mempunyai kecenderungan untuk disesuaikan, digabungkan dan diubah.

Pandangan sarjana Barat ini disokong oleh Rohani Sulaiman (2008: 18) yang menyatakan bahawa, antara manusia yang hidup dulu dan sekarang dengan budaya ada

unsur yang sama, namun lambat laun kesedaran baru akan membawa perubahan dalam budaya yang diwarisi. Oleh yang demikian, tingkahlaku mesti diberikan tumpuan yang jitu kerana menerusi aliran tingkahlaku ataupun tindakan sosial, bentuk budaya dizahirkan.

Pandangan Chris Barker (2012: 39), “*We should not ask what is culture ‘is’.* Rather, we need to enquire about how the language of culture is used and for what purpose”, menjelaskan bahawa usaha memahami pendefinisian istilah budaya membawa kepada pelbagai tafsiran bergantung kepada cara pemikiran seseorang. Kebiasaannya seseorang itu akan memahami dan mendalami kajian terhadap budaya melalui bidang sosiologi, antropologi, kesusastraan dan sebagainya walaupun pengajian terhadap budaya tiada asal usulnya.

Berdasarkan kepada pendefinisian para sarjana Barat ciri-ciri budaya dapat dirumuskan seperti berikut:-

- i. Budaya sebagai satu kesatuan yang kompleks.
- ii. Budaya ialah cara hidup masyarakat tertentu yang merangkumi cara pemikiran dan pola tingkahlaku.
- iii. Budaya ialah sesuatu yang dipelajari dan dikongsi secara bersama.
- iv. Budaya ialah maklumat yang diwarisi.
- iv. Bahasa merupakan simbol penting dalam budaya.

Takrifan tentang konsep budaya oleh sarjana-sarjana Barat memberi gambaran tentang hubungan di antara budaya dan pemikiran masyarakat terhadapnya. Namun demikian, pandangan yang diutarakan oleh sarjana Barat adalah berdasarkan kepada konsep

budaya yang dipikul oleh masyarakat Barat yang berkemungkinan tidak sesuai dengan budaya orang Asia.

2.1.2 Tafsiran Budaya mengikut Sarjana Tempatan

Ramai sarjana tempatan memberi pandangan tentang definisi budaya. Antaranya ialah Rohana Yusof (2010: 76-85), seorang sarjana dalam bidang sosiologi. Beliau melihat budaya sebagai segala cara hidup manusia yang berdasarkan kebendaan dan bukan kebendaan. Budaya kebendaan ialah pengetahuan tentang penghasilan, pengendalian, serta penggunaan barang yang dikaitkan dengan nilai-nilai moral dan berdasarkan kepada agama, peraturan-peraturan serta etika. Budaya kebendaan ini memuatkan hasil cipta manusia yang berbentuk objek-objek dan bukan kebendaan pula merangkumi hasil cipta manusia yang berbentuk abstrak seperti adat resam, kepercayaan pantang larang dan sebagainya. Beliau merumuskan bahawa, walaupun budaya berbeza antara satu masyarakat dengan masyarakat lain, namun ia mempunyai ciri-ciri seperti berikut:-

a. Perubahan

Perubahan ialah proses di mana bahagian-bahagian aspek budaya itu mengalami pengubahsuaian dari masa kesemasa dan mengikut keadaan.

b. Dipelajari

Segala bentuk tingkahlaku, adat resam yang menjadi ikutan masyarakat yang diikuti oleh individu adalah bukan daripada nalurinya, tetapi setiap satunya adalah dipelajari daripada proses pembelajaran.

c. Dikongsi Bersama

Setiap budaya adalah dikongsi oleh satu kumpulan manusia. Contohnya, bahasa sebagai simbol yang dikongsi bersama oleh masyarakat untuk tujuan berkomunikasi antara satu sama lain.

d. Bernilai Integratif

Sesuatu masyarakat disepadukan oleh sesuatu ciri budaya yang mempunyai nilai integriti. Contohnya, kegemaran pada sesuatu jenis makanan adalah ciri budaya yang mana makanan inilah membawa anggota masyarakat bersama.

Budaya mempunyai hubungan erat dengan masyarakat. Syed Ismail (2010: 5) berpandangan bahawa budaya mencerminkan aspek kemanusian secara keseluruhan dari segi kesusastraan, sejarah, sistem politik, seni bina, lukisan, seni muzik, falsafah dan sebagainya. Menurutnya lagi, budaya adalah gaya hidup sesebuah masyarakat yang meliputi segala aktiviti harian mereka. Budaya dapat membezakan bangsa-bangsa tertentu kerana kelainan yang terdapat dalam aktiviti harian yang dinyatakan di atas. Dalam hal ini, budaya dilihat sebagai suatu tindakbalas terhadap keperluan manusia.

Ismail Said Hussin Abdullah (2009: 63-64) dalam kajiannya yang berjudul, *Pengajian Sosial* menjelaskan bahawa budaya merupakan susunan perlakuan yang dipelajari yang digunakan bersama dalam masyarakat. Beliau merujuk budaya sebagai unsur perkongsian antara individu dan membentuknya menjadi satu kelompok budaya. Beliau membahagikan budaya kepada beberapa komponen seperti berikut:-

a. Komponen Kognitif

Budaya yang berbentuk kognitif merupakan sejenis pemikiran yang merangkumi elemen bahasa, simbol, dan nilai. Ia termasuk ilmu pengetahuan dan kepercayaan.

b. Komponen Normatif

Budaya normatif berdasarkan norma sosial sesuatu masyarakat yang mengatur peraturan yang mengawal perlakuan dalam setiap situasi kehidupan. Norma sosial merupakan kelakuan yang standard akan yang dikongsi oleh masyarakat dan anggota tersebut dijangka akan mematuhiinya.

c. Komponen Kebendaan

Budaya kebendaan merujuk kepada objek yang konkret dan objek fizikal seperti benda, tempat tinggal, teknologi termasuk penggunaannya. Ia turut mewakili cara persempahan sesuatu idea secara konkret dalam bentuk tulisan ataupun buku.

Bagi Aziz Deraman (1975: 7) pula, budaya dilihat sebagai satu cara hidup yang terhasil dari pengumpulan idea, perasaan, nilai-nilai abstrak serta bahan artifak yang diwariskan. Pengertian ini boleh dilihat dalam pernyataan beliau seperti berikut:-

“Budaya itu adalah satu cara hidup kita yakni meliputi seluruh cara hidup satu-satu masyarakat baik dalam pengumpulan dari idea-idea dan perasaan, kepercayaan, lambang, nilai-nilai, dan bentuk-bentuk kemasyarakatan serta objek objek kebendaan yang diwariskan turun-turun”.

Aziz Deraman (2003: 2), memberi penekanan kepada beberapa aspek budaya. Antaranya ialah sistem idea, perasaan kelompok, nilai dan kepercayaan masyarakat tersebut, lambang serta objek kebendaan ciptaan masyarakat tertentu, selain mengaitkan

budaya dengan konsep warisan masyarakat. Mengikut Aziz Deraman, budaya adalah kesemua perkara yang difikir, dibuat dan dimiliki sebagai ahli masyarakat yang meliputi seluruh cara hidup masyarakat .

Abdul Latif Abu Bakar (1987: v) pula, membahagikan budaya kepada dua bentuk iaitu, budaya materialistik dan budaya non-materialistik. Budaya materialistik meliputi peralatan kehidupan (pakaian, perumahan, peralatan rumah tangga, senjata, pengangkutan, alat-alat perhubungan, alat-alat muzik dan sebagainya). Budaya non-materialistik merangkumi filsafat (estatika, etika, logika, metafizikal, espistemologi atau fisafat umum mengenai sejarah hukum dan sebagainya), kesenian (seni muzik, tari,drama, teater dan sastera), adat istiadat (keadaan yang menghubungkan dengan budaya seperti kesusilaan, kebiasaan masyarakat, istiadat dan upacara), bahasa (termasuk tulisan dan lisan), kepercayaan (termasuk ideologi), teknologi, kegiatan ekonomi, politik serta pendidikan dan sebagainya.

Perubahan merupakan suatu elemen yang penting dalam budaya. Pandangan ini disokong oleh Ting Chew Peh (1997: 28) seperti berikut:-

“Perubahan adalah suatu proses pengubahsuaian bahagian-bahagian atau aspek-aspek budaya yang berlaku dari masa ke semasa. Budaya yang mengalami perubahan yang paling perlahan dikatakan statik manakala budaya yang mengalami perubahan pesat dikatakan dinamik”.

Menurut Ting Chew Peh, persekitaran sosial yang menguruskan kehidupan secara kolektif mewarnai budaya kehidupan sesebuah masyarakat merupakan sebuah proses berterusan. Pandangan ini dikongsi oleh G.Manimaran (2008: 69) yang menyatakan bahawa, masyarakat yang berbudaya mempunyai kehalusan budi dan kesempurnaan moral.

Syed Ismail bin Syed Mustapa (2010; 4) yang mengungkap pandangan Mohd Taib Osman, melihat budaya sebagai satu himpunan kelengkapan intelektual. Melalui himpunan daya intelektual tersebut, masyarakat akan membentuk nilai yang dapat diterima bersama untuk memenuhi kehendak masyarakat supaya dapat menyesuaikan dengan keadaan sekeliling. Budaya dilihat sebagai tenaga fikiran dan usaha rohani bagi mencapai hasrat yang tidak bercanggah dengan kehendak masyarakat .

Pendefinisian budaya dapat dilihat dalam konteks sempit ataupun secara luas. Pengertian budaya sempit merujuk kepada segala aspek-aspek kesucian dan adat resam yang teristimewa, manakala budaya dalam konteks yang luas merujuk kepada segala aktiviti, kegiatan dan perlakuan manusia dalam usaha mencari penyesuaian dan kesempurnaan hidup di dunia (Ismail Hussein, 1965: 15). Menurut Azhar Mad Aros (2001: 17) , budaya ialah satu cara hidup, idea, adat dan seni yang dihasilkan oleh sesuatu masyarakat. Mohd Salleh (1997: 2) pula, menyatakan bahawa budaya ialah kelakuan manusia. Bagi Mok Soon Sang (2003: 3) pula, budaya merupakan hasil daripada pengalaman interaksi sosial dengan masyarakat. Bagi Ani Omar (2011: 77) pula, masyarakat berbudaya ialah masyarakat yang dapat melahirkan masyarakat bertamadun .

Berdasarkan kepada pendefinisian para sarjana tempatan, dapat dirumuskan ciri-ciri budaya dapat ditakrifkan seperti berikut:-

- i. Budaya menegaskan kehalusan budi pekerti dan kesempurnaan moral.
- ii. Budaya sebagai cara hidup yang bercorak kebendaan dan bukan kebendaan

- iii. Budaya membentuk kesatuan sosial dalam suatu ruang dan pada suatu waktu.
- iv. Budaya dikatakan warisan sosial.

2.1.3 Tafsiran Budaya Mengikut Sarjana Tamil

Walaupun pendefinisian yang diutarakan oleh para sarjana Barat dan tempatan sudah memadai bagi mendapatkan satu pengertian mengenai konsep budaya, namun pandangan sarjana Tamil juga perlu dianalisis oleh pengkaji, memandangkan kajian semasa berkait rapat dengan pemikiran MTA. Para sarjana Tamil juga mempunyai dilema dalam usaha mereka memberi satu penjelasan tentang budaya kerana istilah budaya yang dirujuk sebagai '*panpātu*' dalam Bahasa Tamil tidak terdapat dalam KTK (Jakir Hussein, 2003: 499 dan A.K.Parantamanar, 2009: 169).

Istilah '*panpātu*' diperkenalkan oleh D.K Sitamparanar yang mengaitkan dengan aktiviti bercucuk tanah (A.Thacana Moorthy, 2005: 4). Jika tanah yang telah dibajak sesuai untuk pertanian, manusia yang bersikap matang dikatakan manusia yang berbudaya. Manusia yang mempraktikkan nilai-nilai budaya memiliki perwatakan yang baik kerana pemikirannya yang sihat (S.Samba Sivanar,2007: 143). Oleh yang demikian, istilah budaya berkait rapat masyarakat manusia yang dapat membezakan manusia dengan kehidupan-kehidupan yang lain (P.Thana Letchumy, 2014: 16).

Vaithiyalingam (1986: 1) menjelaskan, istilah '*panpātu*' berasal daripada kata akar '*panpu*' yang membawa maksud sifat, taraf, semula jadi, tingkah laku, cantik, norma, kebaikan atau warna. Beliau membahagikan konsep budaya kepada budaya dalaman dan

budaya luaran. Budaya dalaman merujuk kepada kasih sayang, maruah, adat, kebenaran dan sebagainya manakala budaya luaran pula terdiri daripada aspek makanan, pakaian, kediaman dan sebagainya. Pandangan ini disokong oleh S.Samba Sivanar (2007: 143) yang mengaitkan istilah ‘*paṇḍātu*’ dengan ‘*paṇḍātuttatal*’ iaitu, menjadikan sesuatu lebih baik. Oleh yang demikian, budaya mencerminkan cara hidup masyarakat yang dapat dilihat melalui perasaan, pemikiran dan mentaliti masyarakat yang diperturunkan secara turun temurun (J. Arangka Samy, 2007: 1).

A.K. Parantamanar (2009: 169-178) menjelaskan konsep budaya berdasarkan istilah ‘*paṇḍātu*’ yang membawa maksud insaf, menjadi semakin matang dan baik. Hal ini bererti seseorang yang memiliki budaya akan melalui satu kehidupan yang baik. Keadaan ini berlaku kerana masyarakat itu dapat menganalisis dan mempraktikkan hanya sifat dan kelakuan baik hasil daripada pemikiran yang dimilikinya (A.Patma Malini, 2014: 125). Masyarakat tersebut sentiasa memperbaiki dirinya dalam hal duniai dan kerohanian supaya dapat memiliki satu budaya yang dipandang tinggi sehingga membawa satu cara hidup yang baik (P.K.Velusamy, 1987: 58).

Masyarakat Tamil mewarisi sejarah yang agak lama dari segi bahasa, dan budaya. G.R Damodaran (1980: 69-76) membuat pendirian tentang budaya masyarakat Tamil bahawa, “*Our culture is not something that borrowed but inherited – we are not merely in inherites but trustees and practitioners of the values of cultures*”. G.R Damodaran menampakkan satu hubungan menarik antara istilah ‘*paṇḍātu*’ dengan istilah ‘*culture*’. Beliau menyatakan bahawa, “*it’s interesting to note that the word paṇḍātu in Tamil and word culture in English imply the idea of cultivation*”. Beliau merumuskan bahawa budaya

menandakan pembangunan dan perkembangan badan, minda dan rohani dalam cara yang seimbang.

Thachinamoorthy (2005: 1-6) dalam kajiannya berjudul, *Tamilar Nākarikamum Panpāṭum* mengungkap pandangan T.P. Meenachi Sundram mengenai konsep budaya. T.P. Meenachi Sundram mendefinisikan budaya sebagai platform penting untuk melalui satu cara hidup yang baik dan kepenggunaan alat-alat, adat-istiadat, sistem kepercayaan, dan agama menjadi sebahagian daripada sistem budaya. Menurutnya lagi, budaya sesebuah bangsa dapat dicerminkan melalui hasil kesusasteraan, bahasa, kesenian, matlamat hidup, fahaman politik, kedudukan wanita, institusi pendidikan dan sebagainya. Beliau membahagikan perkembangan manusia kepada perkembangan dalaman dan perkembangan luaran. Sifat-sifat manusia dikaitkan dengan perkembangan dalaman manakala kemajuan yang dicapai seperti penciptaan peralatan dikaitkan dengan perkembangan luaran. Ringkasnya, beliau mendefinisikan budaya sebagai disiplin yang tinggi, pegangan, sifat, dan cara hidup yang sihat.

C.Baktavatsala Barati (1990: 162-164) mendefinisikan budaya sebagai satu bentuk kehidupan yang disesuaikan mengikut situasi iaitu, pemberian dari segi fikiran, budaya, disiplin, dan kehidupan secara evolusi. Menurutnya, istilah budaya boleh merangkumi dalam pelbagai skop seperti berikut:-

- i. Keluasan sesebuah negara. (budaya negara Amerika, budaya negara India).
- ii. Bahasa dan bangsa sesebuah kumpulan masyarakat. (budaya masyarakat Tamil, budaya masyarakat Jepun)

- iii. Keluasan sesuatu kawasan. (budaya masyarakat bandar, budaya masyarakat desa.)
- iv. Jenis suku kaum. (budaya masyarakat orang asli, budaya masyarakat tani)

Pembahagian budaya seperti di atas, menjelaskan bahawa konsep budaya mempunyai skop yang luas. Menurut C.Baktavatsala Barati (2011: 18), konsep budaya bukan semata-mata merangkumi kesusasteraan, puisi, tarian, musik, tempat ibadat, dan pekerjaan tetapi budaya seharusnya memainkan peranan sebagai sebuah kompleks dapat mengawal tingkahlaku manusia. Walaupun konsep budaya itu berdasarkan sesuatu masyarakat, namun ianya juga boleh dicerminkan melalui tingkahlaku seseorang individu.

Menurut Baktavatsala Barati (2008: 34) lagi, budaya sesebuah masyarakat sentiasa mengalami perubahan kerana sikap manusia yang sentiasa mempelajari sesuatu yang baru. Tambah beliau lagi, perubahan budaya bukan hanya berlaku dalam sesuatu masyarakat spesik tetapi akan melibatkan kesemua masyarakat. Pertembungan budaya masyarakat dunia seiring dengan kepesatan dunia teknologi yang mendekatkan manusia telah mempercepatkan proses perubahan tersebut .

N.Devaneyan (2000: 5) menghubungkan budaya dengan hati manusia. Beliau berpendapat bahawa budaya membentuk kehidupan yang lebih matang dan berfungsi sebagai penyusun semula kehidupan atau bentuk kehidupan yang telah diperbaiki. Menurut beliau, istilah '*culture*' merujuk kepada budaya tanah dan budaya jiwa. Tanah yang dibajak dan diperbaiki akan menjadi tanah yan subur manakala jiwa yang yang diperbaiki akan menjadi jiwa yang matang. S.N. Kanthasamy (1997: 3) pula, mendefinisikan budaya

sebagai kehidupan yang diperbaiki dengan menyemai nilai-nilai murni seperti disiplin diri, peraturan dan perlakuan yang baik ke atas pancaindera dan jiwa.

Seorang lagi sarjana Tamil yang menjelaskan konsep budaya ialah P.Kothandaraman (1997: 12) menerusi kajiannya yang berjudul, *Aspect of the Tamil Culture*. Beliau menjelaskan bahawa, kewujudan budaya berkait rapat dengan kewujudan manusia. Menurutnya lagi, jika masyarakat manusia itu menggunakan kepelbagaian bahasa, maka budaya juga akan menunjukkan kepelbagaian. Oleh yang demikian, asas kepada pembentukan budaya ialah kehidupan sosial masyarakat itu. P.Kothandaraman berpendapat budaya terbentuk daripada cara penyembahan terawal dan agama dianggap sebagai ibu kepada asas pembentukan budaya. Beliau merumuskan bahawa, budaya mempunyai satu tahap lebih tinggi iaitu, merangkumi tabiat, adat resam dan adab. Oleh itu, kajian sistematik terhadap budaya seharusnya merangkumi cara hidup setiap hari, adat resam, tabiat makanan, pakaian, kepercayaan, pengamalan upacara, bahasa dan kesusasteraan.


Kavya Shammuga Sundaram (2007: 25) berpandangan, walaupun budaya adalah sesuatu yang diwarisi dan beberapa bentuk ketinggalan budaya seperti lukisan dan monumen mungkin lenyap, tetapi bahasa dan kesusasteraan yang tercipta tidak akan lenyap dan sentiasa akan membicarakan budaya dan ketamadunan bangsa tersebut. Dalam hal ini, hasil kesusasteraan akan memainkan peranan dalam mengisahkan perkembangan pemikiran sesebuah masyarakat tersebut (K.K.Pillai, 1974: 68).

Berdasarkan kepada pendefinisian para sarjana Tamil, ciri-ciri budaya dapat disimpulkan seperti berikut:-

- i. Budaya ialah bentuk kehidupan yang diperbaiki dari segi rohani dan disesuaikan mengikut keadaan tertentu.
- ii. Budaya ialah perkembangan dalaman yang berkaitan dengan hati dan sifat-sifat kemanusian .
- iii. Budaya ialah kematangan jiwa yang dilengkapi dengan pelbagai nilai murni perwatakan sambil memahami ciri perwatakan masyarakat disekitarnya.
- iv. Budaya merupakan sesuatu yang diwarisi dari turun ke temurun.
- v. Budaya memperlihatkan perbezaan dari segi masa kesemasa, negara kenegaraan, dan bangsa kebangsaan.

Berdasarkan kepada pendefinisian para sarjana Barat, tempatan dan Tamil tentang budaya, satu rumusan yang umum dapat dibuat terhadap konsep budaya. Budaya merupakan satu susunan perlakuan yang boleh dipelajari dan sentiasa mengalami perubahan. Ianya merupakan satu cara hidup masyarakat yang mempunyai nilai integeriti yang tinggi. Komponen budaya juga boleh dilihat budaya kebendaan atau bukan kebendaan, budaya realistik atau budaya idealistik; dan budaya kognitif atau budaya normatif. Budaya tersebut dicerminkan melalui perasaan dan pemikiran yang didukung oleh masyarakat tersebut. Walaupun budaya itu diwarisi tetapi ia mengalami perubahan dan pengubahsuaian yang sihat kerana budaya merupakan intipati kehidupan manusia bertamadun.

Ahli-ahli antropologi mengaitkan konsep budaya dengan konsep ketamadunan. Ini adalah kerana, kemajuan dalam bidang lahiriah menunjukkan keserasian dengan perkembangan kerohanian yang sekaligus mencorakkan pemikiran manusia. Perkaitan antara ketiga-tiga konsep dapat diwakilkan seperti berikut:-



Rajah 2.1 Hubungan Antara Konsep Budaya, Tamadun dan Pemikiran

Diubahsuai daripada, D.Nadarasan (1994: 259)

Memandangkan konsep budaya berkait rapat dengan tingkah laku dan pemikiran yang didukung oleh sesebuah masyarakat, pemikiran sesebuah masyarakat perlu diperhatikan dengan baik supaya satu pemahaman tentang kehidupan masyarakat tersebut dapat difahami dengan betul. Hal ini adalah kerana hubungan antara pemikiran dan konsep budaya yang didukung oleh sesebuah masyarakat adalah bersifat timbal balik yang berlaku dalam keadaan sedar dan tanpa sedar.

2.2 Konsep Pemikiran

Pemikiran merupakan salah satu cabang dalam konsep budaya yang dapat menceduk falsafah, membongkar khazanah dan naluri para pemikir sambil menjelak pemikiran dari zaman dahulu hingga kini. Pendefinisan tentang konsep budaya memperjelaskan bahawa, budaya sesebuah masyarakat terbentuk apabila manusia mula melalui proses pemikiran, penambahan pengetahuan dan memperbaiki tingkah laku mereka (C. Geetz, 1973:4). Hal ini bererti, pemikiran sesebuah masyarakat dapat terpancar dalam budaya masyarakat tersebut.

Manusia dianugerahkan akal untuk berfikir yang dapat digunakan untuk merubah alam. Pemikiran dapat membawa kepada satu kehidupan yang bahagia ataupun sengsara bergantung kepada cara penggunaannya (Rosnani Hashim & Suhailah Hussein, 2003:1). Kehidupan manusia yang bermula daripada keadaan yang primitif dengan tenaga fizikal yang terhad, dunia ditukar kepada wajah yang ada seperti sekarang, bukan berlaku secara sendiri tetapi dengan sengaja kerana kuasa pemikiran manusia.

Pemikiran merupakan sebuah unsur yang penting yang membezakan manusia dengan kehidupan-kehidupan lain di muka bumi dan penting untuk manusia mendalami alam keseluruhan dari semua aspek sama ada aspek fizikal, sosial atau spiritual. Selain membantu manusia menyelesaikan pelbagai masalah yang dihadapi dalam kehidupan seharian mereka, pemikiran juga penting bagi mencetuskan kemajuan yang selari dengan keperluan yang semakin bertambah dan berbeza-beza. Martin Heidegger (1968: 3),

menjelaskan tentang kelebihan manusia yang boleh berfikir dan kesukaran manusia untuk mendalami ilmu pemikiran seperti berikut:-

“We come to know what it means to think when we ourselves try to think. If the attempt is to be successful, we must be ready to learn thinking. As soon as we allow ourselves to become involved in such learning, we admitted that we are not yet capable of thinking. Yet man is called the being who can think, and rightly so. Man is the rational animal. Reason, ratio, evolves in thinking. Being the rational animal, man must be capable of thinking if he really wants ”

2.2.1 Pendefinisian Istilah Pemikiran

Istilah pemikiran merupakan sebuah istilah yang agak sukar ditafsirkan dan ia dapat ditafsirkan dengan pelbagai pengertian (A.Fisher, 2001: 1). Pemikiran didefinisikan sebagai perihal berfikir sedangkan fikiran ialah hasil pemikiran, pendapat, pertimbangan, akal, upaya dan muslihat. Fikir boleh ditafsirkan sebagai mempercayai, mempertimbangkan, mengingati atau mengimajinasikan, manakala berfikir pula dikaitkan dengan menggunakan akal untuk merancang, menyelesai, membuat keputusan dan seumpama dengannya (J.A. Philips, 1999:8). Menurut Mohd. Michael Abdullah (1995: 1), pemikiran merupakan kebolehan untuk mencipta gagasan, pengertian, berhujah, menilai dan membuat keputusan oleh manusia.

F.J McGuigan (1966: 17-18) yang mengungkap pandangan B.F Skinner memberi pendefinisian tentang pemikiran seperti berikut:-

“The simplest and most satisfactory view is that thought is simply a behavior-verbal or nonverbal, covert or overt. It is not some mysterious process responsible for behavior, but the very behavior itself in all the complexity of its controlling relations, with respect to both man the behavior and the environment in which he lives

Bagi McGuigan (1966: 10), pemikiran berkait rapat dengan tingkahlaku manusia yang hidup dalam satu persekitaran. Beliau sependapat dengan John B. Watson yang menyatakan bahawa, “*thinking should cover all word of behavior of whatever kind that goes on subvocally*” .

Tradisi pemikiran hari ini selalu dikaitkan dengan Socrates, Plato dan Aristotle iaitu, tiga orang ahli falsafah Yunani (S.N. Kandaswamy, 1985: 41-42). Kaedah Socrates berfikir ialah kaedah bertanya soalan dan dengan menggunakan contoh-contoh yang bertentangan. Cara ini digunakan untuk membuktikan kebenaran dengan mencipta kaedah berfikir definisi am dan induksi. Terdapat empat langkah dalam kaedah ciptaan Socrates untuk menemui kebenaran iaitu:-

- i. Membuat pendefinisian.
- ii. Menganggap pendefinisian itu benar dan mutlak.
- iii. Menilaikan sesuatu konsep berdasarkan pendefinisian tersebut.
- iv. Mengambil tindakan yang selari dan besesuaian dengan pendefinisian tersebut.

(J.M. Mandler & G. Mandler, 1964:9)

Socrates terkenal kerana kepintarannya menentang dan menyangkal idea orang lain kerana beliau mengutamakan proses berfikir yang perlu menghasilkan kesimpulan. Keadaan ini menyebabkan Martin Heidegger (1968: vi) mengelarkan Socrates sebagai “*not the purest thinker of the West*” malah hanya sebagai seorang guru, dan bukan seorang pemikir Barat yang suci.

Namun Plato pula, mencadangkan bahawa seseorang perlu mencari kebenaran yang dapat dibuktikan secara logik. Plato mendefinisikan pemikiran sebagai sesuatu yang dibicarakan oleh jiwa manusia secara tersendiri. Pemikiran manusia adalah berbeza daripada reaksi manusia. Reaksi merupakan sesuatu yang dikeluarkan secara spontan daripada segala peristiwa yang pernah dirakamkan dalam ingatan manusia. Sebenarnya pemikiran manusia ialah sesuatu idea yang tercetus secara mendalam daripada jiwa dan minda manusia daripada peristiwa-peristiwa yang pernah dirakamkan dalam ingatan manusia. Pemikiran dikatakan sesuatu yang menyeluruh dan reaksi dikatakan sebahagian daripada pemikiran tersebut (N.Archunan , 1975:76).

Bagi Aristotle pula, dua elemen yang membezakan manusia dengan haiwan ialah elemen rasionaliti dan keupayaan berfikir. Edward de Bono (1996: 9-13) berpendapat bahawa, daripada pandangan kumpulan bertiga inilah, lahirnya suatu sistem pemikiran yang berdasarkan kepada analisis, penilaian, hujah dan kritikan. Keadaan ini menyebabkan budaya intelektual Barat memberikan penghargaan yang tinggi kepada kaedah berfikir yang dihasilkan oleh ketiga-tiga tokoh tersebut (Ainon Mohd & Abdullah Hassan, 1995: 53-54).

Pendefinisian konsep pemikiran juga diutarakan oleh Dewey yang dianggap sebagai bapa pemikiran moden Amerika Syarikat. John Dewey (1933: 3-4), mentakrifkan pemikiran sebagai satu usaha yang aktif, berterusan dan berhati-hati untuk menimbang dan memeriksa sesuatu kepercayaan dan butir maklumat berdasarkan kriteria tertentu. Pemikiran sebagai perilaku dalam menyelesaikan masalah dan daya usaha manusia untuk menyusun dan mengatur pengalaman dan tingkah laku secara sengaja (N. Bolton, 1972:1). Pemikiran dijadikan sebagai alat untuk mengawal dan menguasai persekitaran yang sentiasa terdedah kepada pelbagai ancaman (J. A. Philips, 1999:9).


Pemikiran dilihat sebagai sebuah proses interaksi antara kemahiran kognitif yang melibatkan pengetahuan, sikap dan nilai yang ada dalam minda individu. Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan (2001: 57), mendefinisikan kemahiran berfikir seperti berikut:-

“Kemahiran berfikir dapat dirumuskan sebagai proses menggunakan minda samada untuk mencari makna dan pemahaman terhadap sesuatu, membuat pertimbangan dan membuat keputusan atau menyelesaikan masalah”

Sayling Wen yang (2000: 28) mengungkap pandangan Taylor dalam usaha beliau untuk menjelaskan konsep pemikiran seperti berikut:-

“..... perkembangan fizikal sahaja tidak membantu membentuk seseorang manusia. Malah pemikiran yang tajam sahaja melahirkan seorang manusia yang bermaruah dan dihormati. Oleh itu, kita mesti belajar berfikir, sesuatu yang dapat dilihat dan dibaca seharusnya tahu mencuba memahami isi kandungannya dengan mendalam. Jika pembelajaran dan pemikiran tidak sebatik, maka kita tidak dapat membuat sesuatu aktiviti dengan berfaedah...”

Edward de Bono (1991: 31-32) menjalankan kajian terhadap konsep pemikiran. Beliau telah mengelompokkan definisi-definisi yang diutarakan oleh para mahasiswa, siswazah dan pensyarah ke dalam dua jenis kumpulan yang dapat diperjelaskan seperti berikut:-



Rajah 2.2 Konsep Pemikiran

Diubahsuai daripada, J.A.Philips (1999: 14)

Menurut Edward de Bono (1987: 12-13), pemikiran adalah kemahiran operasi dengan perisikan yang bertindak atas pengalaman untuk mencapai sesuatu matlamat ataupun tujuan. Ia melibatkan proses-proses yang kompleks berdasarkan dua proses asas yang mudah iaitu, ‘meneruskan’ dan ‘menghubungkan’. Kedua-dua proses mudah ini berpunca secara langsung daripada tingkah laku otak. Otak manusia dianggap sebagai jaringan saraf yang dipenuhi memori dan mampu mengawal segala aktiviti yang berlaku di dalam otak. Proses ‘meneruskan’ ialah satu proses yang mudah berlaku dalam mana-mana sistem ingatan dan tidak terhad kepada sistem pemikiran manusia. Hal ini bererti ‘meneruskan’ ialah satu idea diikuti oleh idea yang lain. Proses ‘menghubungkaitkan’ pula

bermaksud dua idea yang berasingan dan cuba mencari jalan untuk menghubungkan keduadua idea tersebut.

Gary,R.Kirby (2002: 8) menjelaskan proses pemikiran seperti berikut:-

“Thinking is a process of using learnt information for a variety of activities such as problem solving design’s and creating new ideas. Thinking is a skill which involves perception, generation of ideas and creativity. If we begin to think more actively, some stunning changes are possible; we can know ourselves better; have more option in life; can distinguish fact from fiction and hype from hope; begin to think decisively as we choose liferoads to walk down and we can become more persuasive as we listen and talk to our fellow thinkers”.


Bagi mendapatkan satu gaya pemikiran yang baik manusia perlu menguasai proses pembelajaran yang berlaku sepanjang hidup. Ahli-ahli falsafah digelar sebagai ahli pemikir kerana pemikiran merupakan sebuah cabang yang penting dalam bidang falsafah (M.Heidegger, 1968:5). Pemikir adalah orang yang menggunakan akal untuk merancang, membuat pertimbangan, renungan, angan-angan, imaginasi dan seumpama dengannya untuk mencari jawapan bagi sesuatu persoalan.

Menurut Costa dan Lowery (1989: 46), seseorang pemikir yang baik sepatutnya tidak terburu-buru mencari jalan penyelesaian, tetapi bersifat fleksibel, pemikiran proaktif yang berminat untuk menyelesaikan masalah secara berdikari, dapat mengenal pasti dengan jelas langkah-langkah mental untuk menyelesaikan sesuatu masalah dan mengaplikasikan pengetahuan yang sedia ada.

R.Mayer (1983: 7) pula, menyifatkan pemikiran sebagai kemahiran pengolahan operasi mental yang merangkumi pengetahuan, pengamatan dan penghasilan sesuatu. Aktiviti ini berlaku dalam minda seseorang berdasarkan tingkahlaku yang dipamerkan.

Proses pemikiran yang dimanipulasi oleh pengetahuan dalam sistem kognitif adalah bersifat terarah dan diakhiri dengan tingkah laku yang dapat membawa kepada jalan penyelesaian sesuatu masalah. Menurut Mayer (1983: 255-351) lagi perkembangan pemikiran kognitif dipengaruhi oleh pertumbuhan, perkembangan kepintaran adalah sesuatu yang boleh diukur, pemikiran kreativiti merupakan sesuatu yang boleh dipelajari dan penyelesaian masalah yang berkaitan dengan matematik adalah pemikiran yang berlandaskan penguasaan ilmu-ilmu yang spesik.

J.A. Philips (1991; 11) yang mengungkap pandangan beberapa orang sarjana seperti Presseisen, Ruggerio, Bourne, Eskstrand, Costa, dan beberapa orang sarjana lagi dan merumuskan konsep pemikiran seperti berikut .



Rajah 2.3: Pengertian Pemikiran

Diubahsuai daripada, J. A. Philips (1999:11)

Konsep pemikiran juga mendapat perhatian daripada sarjana-sarjan Islam. Samsina Abd Rahman (1989: 10) yang mengungkap pandangan Al-Imam al- Alamah Abi al Fadl

Jamaluddin menyatakan bahawa, istilah pemikiran dalam bahasa Arab berasal dari kata ‘fik’r yang bermaksud berfikir. Syeikh Muhammad Hussein Syeikh Sulaiman (1970: 608) pula memberika tiga pengertian tentang istilah pemikiran seperti berikut:-

- i. Pemikiran merupakan satu pergerakan jiwa atau gerak otak.
- ii. Pemikiran merujuk kepada gagasan pemikiran daripada fakta kepada hipotesis yang dikehendaki.
- iii. Pemikiran terhasil daripada perasaan syak prasangka kepada hipotesis yang seterusnya membawa kepada unsur logik.

Imam al-Ghazali (1981: 303), tokoh ilmuan Islam menjelaskan bahawa pemikiran mempunyai perkaitan dengan ilmu pengetahuan. Beliau menjelaskan bahawa,

“Akal atau pemikiran ialah sumber ilmu, tempat timbul dan sendi ilmu. Hal ini adalah kerana ilmu itu berpunca daripada akal sebagaimana tumbuhnya buah-buahan dari pohon kayu, keluaranya sinar dari matahari dan penglihatan dari mata”.

Dalam perspektif Islam kedudukan pemikiran itu berasaskan sumber ilmu dan dilihat dari segi kerohanian yang menghampirkan dirinya kepada Tuhan Yang Maha Esa (Talib Samat, 2004: 6). Islam tidak menyekat kebebasan berfikir umatnya, malah berfikir merupakan satu ibadah. Namun begitu, prinsip dan kaedah berfikir Islam mestilah berkiblatkan al-Quran dan al- Hadis (Mohd. Azhar Abd. Hamid, 2004: 18).

Menurut Mohd Yusof Hasan (2008: 6), pemikiran adalah proses penggunaan akal manusia untuk pelbagai tujuan dalam kehidupan. Beliau berpandangan, tujuan utama pemikiran ialah untuk mengenali Tuhan sambil menjaga kesejahteraan dan kebahagian

kehidupan manusia. Setiap umat manusia perlu berfikir tentang hal-hal yang berkaitan dengan ketaatan kepada Yang Maha Esa; hal-hal yang berkaitan dengan kemaksiatan, muhasabah diri supaya terhindar dari melakukan maksiat; hal-hal yang berkaitan dengan sifat-sifat yang merosakkan yang didorong oleh hawa nafsu dan sifat-sifat yang menyelamatkan seperti bersyukur, ikhlas, takut, merendah diri dan sebagainya (Imam al-Ghazali, 1981:303).

Pemikiran ialah sejenis kemahiran yang menggunakan pelbagai maklumat untuk pelbagai kegiatan aktif. Menurut Otman Puteh (1994: 40-55), pemikiran dilihat sebagai mentafsir apa-apa yang tersirat dalam teks menerusi interpretasi terhadap rentetan peristiwa dan kata kunci yang dikemukakan oleh teks. Oleh sebab masyarakat mengenali karyawan, masyarakat boleh berlandaskan interpretasi tersebut ke dalam acuan aliran pemikiran yang dianuti oleh karyawan itu. Segala makna dan rasa yang menjadi signifier penting kepada seseorang karyawan itu lazimnya dapat dirasakan hadir dalam setiap hasil karyanya.

S.Othman Kelantan (1958: 8) menjelaskan, pemikiran adalah idea yang tercipta daripada golongan intelektual yang sentiasa memikirkan masalah masyarakat sekitarnya. Menurutnya lagi, adakah idea pemikiran mereka disebarluaskan hanya kepada kumpulan masyarakat ataupun kepada masyarakat luar. Bagi Lim Kim Hui (2009: 6) pula, pemikiran ialah suatu aktiviti mental. Ia dapat membantu seseorang mencapai matlamat, menyelesaikan sebarang masalah yang timbul, memahami informasi, mencari jawapan serta memahami hakikat alam semesta. Lim Kim Hui merumuskan fungsi-fungsi pemikiran seperti berikut:-

Jadual 2.1: Fungsi-Fungsi Pemikiran

Penyelesaian Masalah	Mencapai Matlamat	Memahami Informasi	Mencari Jawapan
Apa masalahnya?	Apa matlamat kita?	Apa idea utama yang disampaikan?	Apa yang hendak kita cari jawapannya?
Apakah alternatifnya?	Apa langkah-langkah yang perlu diambil?	Jenis dalil premis/bukti/alasan yang bagaimana?	
Apa kebaikan dan keburukkannya?	Apa matlamat asal?	Bagaimana menilai sudut pandangan lain?	
Apa penyelesaiannya?		Bagaimana mempertimbangkan rangkaian hujahan?	

Diubahsuai daripada, (Lim Kim Hui, 2009: 6)

Setiap manusia mempunyai pemikiran yang tersendiri dan pemikiran tersebut akan lahir daripada peristiwa-peristiwa yang dirakamkan dalam jiwa dan minda manusia. Daya pemikiran manusia adalah bergantung kepada keupayaan berfikir manusia itu sendiri (Thiraviyam.K, 1990: 141). Menurut P.C.Ganesan (1990: 48), segala perlakuan dan tindakan manusia akan dirakamkan sebagai pemikiran dalam minda manusia sejagat dan dapat diperlihatkan melalui watak dan perwatakan yang dicipta oleh pengarang atau penulis dalam sesuatu hasil kesusasteraan.

2.2.2 Jenis-Jenis Pemikiran

Dalam proses berfikir, seseorang menggunakan pelbagai kemahiran untuk menjana daya fikir ke satu tahap yang optimum bagi menghasilkan buah fikiran yang bernalas dan seterusnya melaksanakan tindakan-tindakan yang sesuai dan berkredibiliti. Keadaan ini mewujudkan pelbagai jenis dan gaya pemikiran. Gaya pemikiran yang dimaksudkan adalah cara seseorang berfikir ataupun style pemikiran seseorang. Kepelbagaiannya jenis pemikiran adakalanya menunjukkan pendefinisian yang serupa ataupun bertindan antara satu sama yang lain (N.S. Rajendran, 2013: 30).

Mengikut Pusat Perkembangan Kurikulum (2002: 3), Kementerian Pelajaran Malaysia menyenaraikan kewujudan kepelbagaiannya jenis pemikiran. seperti berikut:-

“Pemikiran secara umumnya dikategorikan sebagai pemikiran logikal, pemikiran kritis, pemikiran kreatif, pemikiran analitikal, pemikiran historis, pemikiran teknikal, pemikiran hipotektikal, pemikiran pemikiran proaktif, pemikiran prakmatik, pemikiran positif, pemikiran negatif, pemikiran nilai, pemikiran emotif, pemikiran intuitif, pemikiran objektif, pemikiran vertikal, pemikiran konvergen dan pemikiran divergen...”.

Jenis-jenis pemikiran yang disebutkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum dapat memberi satu pemahaman mengenai gaya-gaya pemikiran yang sedia wujud. Dewasa ini telah muncul pelbagai jenis pemikiran yang dipelaporkan oleh ahli-ahli pemikir. Kesemua jenis pemikiran tersebut mempunyai kelebihan dan keunikkan yang tersendiri dalam proses membantu manusia menyelesaikan segala masalah hidup. (Sila rujuk lampiran B).


Walaupun terdapat pelbagai jenis pemikiran, namun tujuannya tetap satu iaitu, dapat mencari jawapan kepada permasalahan hidup. Vincent Ryan Ruggiero (2012: 4) merumuskan pemikiran seperti berikut:-

“Thinking is any mental activity that helps formulate or solve problems, make decision, or fulfill a desire to understand. It is a searching for answers, a researching for meaning”.

Pandangan Vincent merumuskan bahawa, tujuan utama pemikiran ialah untuk menyelesaikan sesuatu masalah.

2.2.3 Aras-Aras Pemikiran

Terdapat beberapa aras dalam proses berfikir. Kemahiran berfikir merupakan proses kognitif diperincikan ke dalam satu set peraturan yang jelas yang digunakan untuk memandu pemikiran. Pemikiran aras rendah dan pemikiran aras tinggi merupakan dua tahap pemikiran yang dapat memperlihatkan beberapa petunjuk pemikiran seperti berikut:-



Rajah 2.4: Pemikiran Aras Tinggi dan Aras Rendah

Sumber: <http://pengajian-ipg.blogspot.com/2011/10/taksonomi-bloom.html>

Pemikiran aras rendah '*lower order thinking*', menghasilkan banyak operasi mental secara penggulungan. Selain itu, pemikiran aras rendah juga merujuk kepada penggunaan minda secara terhad dan proses pemikiran yang rutin (J.J.Onosko &, F.M.Newmann, 1994:5) dan tidak memerlukan aktiviti mental yang rumit. Pemikiran aras rendah hanya

melibatkan proses mengumpul dan menyimpan maklumat dalam ingatan dan hanya memerlukan jawapan betul atau salah (J.Zenin, 1995:8).

Pemikiran aras tinggi pula didefinisikan sebagai satu proses menggunakan minda optimum. Jenis pemikiran ini melibatkan proses mentafsir, dan menganalisis maklumat bagi menyelesaikan sebarang masalah untuk menghadapi cabaran-cabaran baru (S.Supramani, 2006:227). Kebiasaananya, Pemikiran aras tinggi menghasilkan sesuatu yang baru atau asli kerana perluasan maklumat yang sedia ada. Nadi dalam pemikiran aras tinggi ialah terdapat pelbagai kemungkinan jalan penyelesaian kepada masalah-masalah yang wujud. Kedua-dua jenis pemikiran iaitu, pemikiran aras rendah (KBAR) dan pemikiran aras tinggi (KBAT) dapat diperjelaskan berdasarkan Taksonomi Bloom seperti berikut:-

Jadual 2.2 :Taksonomi KBAT dan KBAR

Taksonomi Bloom	KBAT dan KBAR	Keterangan
Pengetahuan	Kemahiran Berfikir Aras Rendah	<ul style="list-style-type: none"> ¤ Penggunaan potensi minda yang terhad. ¤ Aplikasi rutin dan mekanistik seperti menyenaraikan maklumat sebelum mengaplikasikan peraturan ¤ Ia memerlukan seseorang untuk menghuraikan, membanding bezakan,menyingkatkan, menghubungkan, mengaplikasikan dan menyelesaikan sesuatu masalah.
Aplikasi	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi	<ul style="list-style-type: none"> ¤ Penggunaan potensi minda untuk menangani cabaran baru.
Analisis		<ul style="list-style-type: none"> ¤ Seseorang perlu memahami, mentrejemah, menganalisis, dan memanipulasikan maklumat. ¤ Memerlukan seseorang membuat inferan dan membuat generalisasi sebelum menilai sesuatu maklumat secara kritis.
Sintesis		
Penilaian		<ul style="list-style-type: none"> ¤ Membuat ramalan, pilihan dan keputusan, mencadangkan dan menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan kehidupan harian menghasilkan komunikasi asli,melahirkan dan menilai idea.


Diubahsuai daripada, N.S.Rajendran (2013:19-20)

Model aras pemikiran Taksonomi Bloom yang terdiri daripada enam aras yang dijelaskan dalam bahagian atas dapat diwakilkan seperti berikut:-



Rajah 2.5: Model Aras Pemikiran Taxanomi Bloom

Sumber: <http://kpd6034.blogspot.com/p/cadangan.html>



Rajah 2.6: Perkaitan Antara Aras Pemikiran Dengan Maklumat.

Diubahsuai daripada, (B.S.Bloom, 1981: 38)

Keluhan segelintir manusia bahawa berfikir adalah satu tugas yang mencabarkan, iaitu, “*thinking is hard work or it's now time to get to the hard work of thinking this thing though*”, menyebabkan manusia suka mengelakkan diri mereka daripada aktiviti berfikir. Ada sarjana yang berpendapat aktiviti berfikir hanya berlaku apabila daya ingatan tidak terganggu (Z.P.Dienes & M.A.Jeeves, 1965:115).

Agenda reformasi dalam sistem pendidikan negara ialah untuk melahirkan masyarakat berfikir berdaya intelektual yang tinggi bagi mencorakkan kedinamikan perubahan dalam segala hal. Kemahiran berfikir yang mendorong literasi keilmuan adalah asas untuk pembentukkan masyarakat madani (Abd.Rahim Abd Rashid, 1999:2). Dalam hal ini, pendidikan kesusteraan dapat menjadi wahana yang penting dalam usaha menerapkan dan memperkenalkan pemikiran-pemikiran ulung yang sedia wujud.

2.3 Konsep Teori

Kajian dalam bidang sastera, terutama yang bersifat penelitian seperti kajian ilmiah seperti disertasi kedoktoran dituntut menggunakan sebuah teori supaya penelitian kajian terarah dan berfokus. Teori sastera ialah satu ungkapan yang mempunyai pelbagai makna. Teori boleh memberi makna sebagai sesuatu cara, peraturan yang sistematis dan bermekanisme dalam menghuraikan, menganalisis, mengkaji atau membuat kritikan terhadap sesuatu kajian bersifat akademik (Ani Omar, 2012:67).

Teori sastera merupakan sebuah bidang yang berkaitan dengan pemahaman, definisi, hakikat, prinsip, konsep dan sebagainya. Teori sastera merupakan cetusan idea atau konsep yang membentuk sesuatu gagasan bagi menjelaskan sesuatu huraian dalam kesusteraan berdasarkan sesuatu landasan yang sistematik, terarah dan tersusun (Manasikana, 1986:2).

Pada kebiasaannya, orang akademik yang terlatih dalam bidang teori sastera mengakhiri pembacaan sesuatu teks sastera berdasarkan sesuatu teori. Tanggapan dan kesimpulan teoritis tertentu bergantung kepada falsafah dan paradigma keilmuan yang menjadi pegangan pemikiran dan hidupnya. Kini terdapat beberapa teori sastera seperti teori strukturalisme, feminism, pascamodenisme, pascakolonial dan sebagainya. Teori-teori ini merujuk kepada cara, kesan dan hasil pembacaan dan pentafsiran yang kritis, dengan menggunakan pelbagai konsep, paradigma dan fokus penghujahan yang relevan, terhadap teks sastera (Kamaruddin M.Said, 2012:2).

2.3.1 Teori-Teori Sastera

Bahan sastera klasik telah menjadi bahan kajian sejak zaman kolonisme lagi, namun perkembangan teori sastera bermula pada zaman Aristotle di Greek. Sebagai hasilnya, setiap teori yang berhasil kemudian adalah hasil daripada perkembangan daripada teori tersebut. Mana Sikana (2003: 383) membahagikan teori-teori sastera ini mengikut zamannya iaitu, teori sastera klasik, teori sastera moden dan teori sastera pascamoden yang disusun dan dikategorikan dalam jadual seperti berikut:-

Jadual 2.3: Teori-Teori Sastera

Teori Sastera Moden	Teori Sastera Pascamoden	Teori dan Kritikan Sastera Nusantara
Formalisme Moral Sosiologi Psikologi Arketaip Stilistik	Strukturalisme Semiotik Pascastrukturalisme Pascamodenisme Feminisme Budaya Hermeneutiks Sosiologi Sastera Pascakolonialisme	Taabudiyah Puitika Sastera Melayu Perkaedahan Melayu Teksdealisme Takmilah

Diubahsuai daripada, Mana Sakina (2003: 383)

Teori-teori sastera yang dikemukakan oleh Mana Sakina di atas, merupakan antara teori-teori sastera yang wujud dan biasanya digunakan dalam penyelidikan sastera Melayu (Sila lihat lampiran C).

2.3.2 Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K

Ahli-ahli falsafah dan para pemikir khasnya dari Barat, telah mencipta pelbagai teori yang berkaitan dengan konsep sastera. Namun demikian, salah satu teori tempatan yang berkaitan dengan teori pemikiran sastera ialah Teori Sistem Pemikiran Bersepadu SPB4K. Mohd Yusof Hasan merupakan pengasas Teori SPB4K, mempunyai pengalaman dalam bidang kesusasteraan, pemikiran dan etika kerana pernah menjadi seorang pendidik di sekolah, kolej dan pusat pengajian tinggi. Pengalaman dalam bidang kerjaya yang banyak bersangkut paut dengan bidang pendidikan telah memberi pengalaman yang berguna untuk menghasilkan sebuah teori pemikiran yang bergelar Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K. (Rujuk lampiran D).

2.3.2.1 Idea Teori SPB4K


Terdapat beberapa teori dalam bidang kesuasteraan khasnya dalam kesusasteraan Melayu yang dilahirkan oleh sarjana-sarjana tempatan. Antaranya ialah Teori Puitika Sastera oleh Muhammd Salleh, Teori Perkaedahan Melayu oleh Hashim Awang, Teori Teksdealisme oleh Mana Sikana dan Teori Takmilah oleh Shafie Abu Bakar (Mana Sikana, 2003:405). Teori SPB4K merupakan sebuah teori yang dimurnikan daripada teori SPB4L dipercayai bermirip kepada teori psikoanalisis klasik oleh Sigmund Frued (<http://teorisastera.blogspot.com/2009/12/teori-pemikiran-bersepadu-4k.html>).

Teori SPB4K digunakan oleh para penganalisis sastera khasnya sasterawan Melayu. Teori SPB4K meliputi pemikiran empat pihak yang terlibat dalam penghasilan karya kesusasteraan. Ia meliputi pemikiran masyarakat, pemikiran pengarang yang menghasilkan

karya, karya yang memperlihatkan pemikirannya isinya dan pemikiran pengkritik yang membicarakan karya tersebut. Hubungan antara masyarakat, pengarang karya dan pengkritik menjadi teras kepada penghasilan Teori SPB4K (Mohd. Yusof Hasan, 2012:42).

2.3.2.2 Sumber-Sumber Teori SPB4K

Teori SPB4K dibina berdasarkan tiga sumber asas yang dikenali sebagai IBM iaitu, Islam, Barat dan Malaysia. Teori SPB4K adalah berdasarkan Addinul Islam, kedua, tamadun moden Barat dan Timur, dan ketiga, keadaan negara Malaysia yang majmuk terdiri daripada berbagai-bagai kaum dan etnik dengan pelbagai kepercayaan agama, adat resam, budaya dan nilai hidup masing-masing (Mohd. Yusof Hasan, 2007:236). Pembentukan Teori SPB4K dibuat berdasarkan Falsafah Pendidikan Islam (FPI) , Falsafah Pendidikan Barat (FPB) dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) (Ani Omar, 2012:70). Pembentukan Teori SPB4K berdasarkan gabungan tiga falsafah ilmu dan pendidikan yang dinyatakan seperti berikut:-



Rajah 2.7: Sumber-Sumber Teori SPB4K

Diubahsuai daripada, B.Mahaletchimi (2010: 126)

a. Sumber Ilmu: Falsafah Pendidikan Islam

Mohd. Yusof Hasan (2013: 43) menjelaskan bahawa, daripada sumber Addinul Islam terdapat isi-isi daripada ajaran al-Qurannul Karim; Sunnah Nabi Muhammad SAW; empat aspek akidah, syariah, ibadah dan akhlak; rukun Islam dan rukun Iman. Dalam al-Quran terdapat 30 juzuk, 114 surah dan 6666 ayat yang meliputi falsafah dan pemikiran yang merangkumi bidang politik, sosial, dan ekonomi dari segi kemanusian dan kemasyarakatan.

Falsafah Pendidikan Islam menyatakan bahawa:-

"Pendidikan Islam adalah satu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan Al-Quran dan As-Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan negara"

(Bahagian Pembangunan Kurikulum. 2010:5)

FPI mempunyai tiga unsur penting untuk dilaksanakan oleh insan yang berilmu (Hanafi Mohamed, 1996:3). Antara tiga unsur tersebut ialah:-


- i. Memberi motivasi dan petunjuk kepada aspek aqidah, pembentukkan akhlak mulia dengan pembersihan jasmani dan rohani bagi menjadi insan soleh yang bertaqwa kepada Allah S.W.T .

- ii. Memberi penekanan tentang aspek-aspek pendidikan yang perlu dilaksanakan dalam proses mengangkat martabat ummah yang dirahmati Allah S.W.T dengan membentuk nilai-nilai keperibadian luhur.

- iii. Memberi penekanan pendekatan yang efektif dan efisien untuk mendidik dan membimbing manusia ke arah mencapai kecemerlangan dalam merealisasikan fungsi manusia sebagai khalifah Allah dengan petunjuk dan hidayahnya.

Ketiga-tiga unsur yang terkandung dalam FPI ini menjana Teori SPB4K. Selain itu, dua pendidikan utama dalam Islam iaitu, Ilmu Ukhrawi dan Ilmu Duniawi yang terdapat dalam pendidikan Al-Quran turut menjana pembinaan Teori SPB4K. (Mohd. Yusof Hasan, 2008:14). Akidah merupakan asas kepada Rukun Iman yang enam dan syariah merupakan ibadat dan amalan dalam rukun-rukun Islam yang lima dan aspek-aspek muamalat, munakahat dan jenayah atau dalam kehidupan politik, ekonomi, sains dan teknologi, pendidikan, budaya dan sebagainya.

Konsep akhlak dikaitkan dengan hubungan manusia dengan manusia, manusia dengan alam semulajadi; dengan diri sendiri dan dengan Tuhan Yang Esa (Mohd. Yusof Hasan, 2012:149). Perkaitan antara dua pendidikan Islam yang utama dengan Teori SPB4K dapat diwakilkan dalam rajah seperti berikut:-




Rajah 2.8: Pendidikan Islam Menjana Teori SPB4K.

Diubahsuai daripada, B.Mahaletchimi (2010:132)

b. Sumber Ilmu: Falsafah Pendidikan Barat

Falsafah Pendidikan Barat (FPB) merupakan salah satu sumber ilmu yang menjana Teori SPB4K. Ilmu-ilmu yang terkandung dalam FPB iaitu, teori-teori otak,dan kemajuan sains dan teknologi turut menjana pembinaan Teori SBP4K. Selain itu, domain-domain kognitif, afektif dan psikomotor yang disebut dalam Taxonomi Bloom telah dijadikan sebagai salah satu teras dalam pembinaan Teori SPB4K. Oleh yang demikian teori-teori tentang akal dan minda yang memperlihatkan beberapa kehebatan dan kecemerlangan dikemukakan oleh sarjana Barat dirujuk dalam Teori SPB4K (Mohd Yusof Hasan, 2008:2). Namun demikian, kemajuan dan kejayaan orang Timur khasnya dari Asia seperti Korea, Jepun dan China yang juga mempunyai kekuatan tamadunnya dengan berbagai-bagi ilmu pengetahuan tidak diabaikan semasa pembinaan Teori SPB4K (Mohd Yusof Hasan. 2012:50).

Gagasan Teori SPB4K telah menumpukan perhatian terhadap proses perkembangan mendidik dalam ketiga-tiga objektif taksonomi pendidikan sebagai sumber utama. Domain kognitif dikategorikan kepada enam kelas iaitu, aras pengetahuan rendah ke aras yang lebih tinggi (B.S.Bloom, 1981:37). (Sila lihat bahagian 2.2.3 yang berkaitan dengan aras-aras pemikiran bagi penjelasan lanjut tentang aras pemikiran domain kognitif). Domain kognitif ada kaitan dengan pemikiran kbeitaraan. Dalam hal ini, keenam-enam aras pemikiran yang terdapat dalam domain kognitif dapat diwakilkan dalam rajah seperti berikut:-




Rajah 2.9: Domain Kognitif Taksonomi Bloom.

Diubah suai daripada, L.W.Anderson. & D.R.Krathwohl, (2001: 267)

Domain afektif pula, memberi penekanan terhadap perkembangan perasaan, emosi, sikap dan nilai yang wujud pada diri seseorang. Domain afektif diklasifikasikan kepada empat peringkat iaitu, penerimaan, gerak balas, rasa bernilai dan mengorganisasi yang membawa kepada pembentukkan sistem nilai (Kamaruddin Husin, 2004:148). Domain afektif ada kaitan dengan Pemikiran Kerohanian.

Domain psikomotor pula, bertumpu kepada kebolehan membuat sesuatu yang melibatkan anggota fizikal secara teratur. Ciri-ciri dalam domain psikomotor ada perkaitan dengan Pemikiran Kesaintifikasi dan kekreatifan, dalam teori SBP4K. Hal ini sedemikian kerana, kedua-dua pemikiran ini mengutamakan aspek-aspek keberanian, kepastian, ketepatan, kreativiti, inovatif dan mencipta idea-idea baru (B.Mahalethumi, 2010: 135).

Ketiga-tiga domain ini secara tidak langsung telah menjadi sumber penjana Teori SPB4K yang dapat diwakilkan dalam rajah seperti berikut:-



Rajah 2.10: Sumber Domain Taksonomi Pendidikan Dalam Teori SPB4K

Diubahsuai daripada, Rohana Isahak (2012: 64)


c. Sumber Ilmu: Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Sumber ketiga bagi pembinaan Teori SPB4K ialah berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). FPK menjelaskan bahawa:-

"Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadan untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara".

(Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2011:vi)

Perkaitan antara keempat-empat komponen yang terdapat dalam FPK dengan Teori SPB4K dapat diwakilkan dalam rajah seperti berikut .



Rajah 2.11: Komponen Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Teori SPB4K

Diubahsuai daripada, B.Mahalethchimi (2010:129)

FPK menekankan aspek-aspek minda, rohani dan jasmani yang ditekankan dalam Taksonomi Bloom. Penekanan ini dapat dilihat dalam bidang kurikulum dan ko-kurikulum (Mohd, Yusof Hasan, 2008:10).

Dari segi masyarakat Malaysia pula, keadaan masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa yang mewarisi pelbagai kepercayaan dan pegangan agama juga diambil kira semasa pembinaan Teori SPB4K ini (Mohd. Yusof Hasan, 2012: 150). Oleh iti selain Islam, pegangan dan falsafah agama-agama seperti agama Buddha, Hindu, Kristian, Taoisme, Konfusianisme dan sebagainya turut dijadikan sumber dalam pembinaan Teori SPB4K.

Rakyat Malaysia yang mengamalkan kepelbagaiannya kepercayaan agama, adat resam dan budaya yang berbeza perlu hidup bersatu padu di bawah konsep 1 Malaysia dan sesuai dengan perkembangan dunia hari ini dalam era globalisasi (Mohd. Yusof Hasan, 2007:153).


Teori SPB4K dapat memantapkan pemikiran tamadun atau peradapan Malaysia ke arah satu pembinaan paradigma yang sejagat di peringkat antarabangsa kerana telah mengabungkan ketiga-tiga ilmu falsafah dalam proses penjanaan teori (Siti Khariah Mohd Zubir, 2012:149-151). Daripada ketiga-tiga sumber FPI, FPB dan FPK, sebuah teori pemikiran iaitu, SPB4K telah dilahirkan (Mohd Yusof Hasan. 2007:6). Menurut Mohd Yusof Hasan (2012: 44-45) ketiga-tiga sumber yang menjana Teori SPB4K iaitu, FPI, FPB dan KPK secara bersepadu telah mempengaruhi dan membantu pembentukan keempat-empat jenis pemikiran Teori SPB4K. Hal ini dijelaskan seperti berikut oleh pelopor teori ini seperti berikut:-

“Daripada ketiga-tiga sumber: Islam, Barat dan Malaysia yang mempunyai falsafah pendidikannya yang masing-masing, saya cuba memberikan satu model, paradigma, acuan atau teori pemikiran yang dikenali sebagai SPB4K. Dengan terbentuknya paradigm pemikiran SPB4K itu, kita dapat menggunakan dalam penerapan berbagai-bagai bidang kehidupan kita seperti falsafah, sejarah, politik, ekonomi, kemanusian, kemasyarakatan, pendidikan, sains, seni dan kesusastraan”

(Mohd Yusof Hasan, 2012: 44-45)

2.3.2.3 Jenis-Jenis Pemikiran SPB4K

Teori SPB4K yang selari dan sesuai dengan keadaan Negara Malaysia, merupakan satu formula pemikiran (Mohd. Yusof Hasan, 2008:13). Jenis-jenis pemikiran yang terkandung dalam Teori pemikiran SPB4K adalah seperti berikut:-



Rajah 2.12: Model Pemikiran SPB4L ke SPB4K

Diubahsuai daripada, Mohd Yusof Hasan (2007: 6)

Dari modul pemikiran 4K satu teori atau paradigma pemikiran yang disebut SPB4K telah dibentuk seperti berikut:-

Jadual 2.4: Perbandingan Teori SPB4K Dengan Teori SPB4L

Pemikiran SPB4K	Pemikiran 4L	Kewujudan Manusia
Pemikiran Kerohanian	Pemikiran Luhur	Soleh atau solehan
Pemikiran Kebitaraan	Pemikiran Lahir	Sarjana
Pemikiran Kesaintifikan	Pemikiran Logik	Saintis
Pemikiran Kekreatifan	Pemikiran Lateral	Seniman

Diubahsuai daripada, Rohana Isahak (2012: 56)

Keempat-empat pemikiran dalam Teori SPB4K menitikberatkan empat jenis pemikiran yang berlainan, namun ia saling memerlukan satu sama lain secara bersepada

(B.Mahaletchimi, 2010:124). Keempat-empat pemikiran tersebut dapat diperjelaskan dalam jadual seperti berikut:-


Jadual 2.5 Jenis-Jenis Pemikiran Dalam Teori SPB4K

Jenis Pemikiran	Konsep Pemikiran
Pemikiran Kerohanian	Pemikiran kerohanian dikenali sebagai Pemikiran Luhur. Pemikiran Kerohanian merujuk kepada kepercayaan, keimanan, ketauhidan, dan keesahan Tuhan yang berkaitan dengan pemikiran keagamaan. Selain itu, unsur-unsur ghaib juga dikaitkan dengan Pemikiran Kerohanian. Pemikiran Kerohanian merupakan pemikiran yang amat suci, luhur dan tinggi martabatnya. Seseorang pemikir kerohanian dikehendaki mempunyai ilmu pengetahuan tinggi tentang agama yang dianutinya. Walaupun Mohd Yusof Hasan menekankan ilmu Islam dalam menghuraikan Pemikiran Kerohanian, namun beliau juga turut membincangkan Pemikiran Luhur yang terdapat dalam agama Hindu, Buddhisme, Kristianiti dan lain-lain kepercayaan yang dapat dilihat di Malaysia
Pemikiran Kebitaraan	Pemikiran Kebitaraan atau Pemikiran Lahir ialah pemikiran yang cemerlang, gemilang dan terbilang. Jenis pemikiran ini mempunyai hubungan dengan penjagaan dan pemuliharaan organ otak, akal dan minda supaya menjadi cerdik, pandai, bijaksana, bestari, bagus dan cemerlang. Pemikiran Kebitaraan dikatakan bermula daripada peringkat rahim iaitu, sejak kandungan berusia enam hari, sehingga kepada enam tahun selepas dilahirkan. Kemahiran Pemikiran Kebitaraan berkaitan dengan kehebatan akal.
Pemikiran Kesaintifikan	Pemikiran Kesaintifikan ialah Pemikiran Logik iaitu, berdasarkan fakta, angka, bukti, saksi, kebenaran, kepastian, ketepatan, dan lain-lain lagi. Pemikiran Logik ialah sejenis pemikiran yang dibuat berdasarkan hujah, fakta, alasan, bukti dan kebenaran. Ilmu logik dibina berdasarkan bukti-bukti yang jelas dan kukuh yang banyak diguna pakai oleh ahli-ahli Sains. Pemikiran Saintifik lahir daripada hemisfera otak kiri (hoki) yang banyak menggunakan ilmu matematik dan sains
Pemikiran Kekreatifan	Pemikiran Kekreatifan atau Pemikiran Lateral pula adalah pemikiran yang berdasarkan inovasi, imaginasi, fiksyen, subjektif, tersirat, indah, menarik, positif dan alternatif. Pemikiran Lateral ialah sejenis pemikiran yang tidak mementingkan logik, fakta, alasan dan kebenaran. Pemikiran ini sebenarnya telah dipeloporkan oleh Dr.Edward Bono. Pemikiran Kekreatifan lahir di hemisfera otak kanan (hoka) mementingkan imaginasi, khayalan dan rekaan. Pemikiran Kekreatifan dapat melahirkan manusia yang optimis dalam kehidupan, ceria, dan berjenaka.

Diubah suai daripada, Mohd Yusof Hasan, (2002:4-7, 2004: 38-43, 2007:11, 2008:13-22

2.3.3 Kerangka Model Pembinaan Teori SPB4K

Teori SPB4K menjelaskan bahawa seseorang individu seharusnya memiliki keempat-empat jenis pemikiran secara bersepada. Menurut Mohd. Yusof Hasan (2007: 14), dengan memiliki empat jenis pemikiran dan ilmu-ilmu yang berkaitan dengan itu, manusia akan menjadi makhluk yang sempurna. Kerangka model pembinaan Teori SPB4K dapat diwakilkan seperti dalam rajah berikut:-



Rajah 2.13: Kerangka Model Pembinaan Teori SPB4K

Diubahsuai daripada, Mahaletchimi (2010:125)

Keempat-empat jenis pemikiran yang terkandung dalam Teori SPB4K adalah penting sebagai satu teori yang bersepada. (Keempat-empat pemikiran SPB4K dibincangkan secara terperinci dalam bab-bab yang berkaitan iaitu, dari bab ketiga hingga bab keenam).

Menurut Mohd. Yusof Hasan, (2008:13).keempat-empat pemikiran perlu disepadukan dalam setiap insan supaya menjadi amalan dalam kehidupan seharian. Keempat-empat kemahiran perlu dimiliki secara seimbang dan bertimbang balik dan bukan secara berasingan oleh seseorang. Jika seseorang mengabaikan salah satu pemikiran ianya akan menyebabkan perwatakan dan perawakan seseorang itu terjejas

2.3.4 Pengaplikasian Teori Pemikiran SPB4K

Mohd Yusof Hasan menjelaskan bahawa, seseorang manusia perlu mempraktikkan keempat-empat konsep pemikiran, SPB4K dalam kehidupan seharian (2003:3). Teori SPB4K bersifat menyeluruh dan bersepadu menyebabkan dewasa ini Teori SPB4K banyak digunakan sebagai instrumen penganalisisan kesusasteraan Melayu. Hal ini adalah kerana, para pengkaji tempatan mendapati bahawa teori-teori kesusasteraan Barat tidak begitu sesuai digunakan untuk mengkaji kesusasteraan Melayu yang banyak bertunjangkan kepada unsur-unsur kerohanian dan cara hidup masyarakat Timur.

Dalam bidang penyelidikan sastera, Teori SPB4K menggunakan dua kaedah iaitu, kaedah instrinsik dan kaedah ekstrinsik. Kaedah instrinsik (dalaman) mengkaji ciri-ciri seperti seperti watak dan perwatakan, tema dan persoalan, latar masyarakat, tempat dan masa, teknik dan plot. Manakala kaedah ekstinsik (luaran) meneliti penerokaan maksud tersirat iaitu, pendedahan falsafah, nilai dan pengajaran yang dibawa oleh hasil kesusasteraan tersebut. Teori SPB4K memperincikan aspek kesusasteraan seperti sejarah kesusasteraan, teori kritikan, kepengarangan penulis, serta kaedah kritikan (Ghazali Bin Din 2010: 25). Kedua-dua iaitu, kaedah instrinsik dan ekstrinsik yang digunakan dalam Teori SPB4K dapat diwakilkan dalam jadual seperti di bawah.

Jadual 2.6: Kaedah Instrinsik dan Ekstrinsik

Teori SPB4K Dalam Karya Sastera	Kaedah Instrinsik (Dalaman)	Kaedah Ekstrinsik (Luaran)
Pemikiran Kerohanian	Tema dan Persoalan	Falsafah dan Kepercayaan
Pemikiran Kebitaraan	Perwatakan Manusia	Psikologi dan Kemanusian
Pemikiran Kesaintifikian	Latar dan Suasana	Sejarah dan Kemasyarakatan
Pemikiran Kekreatifan	Teknik dan Stail	Estetika dan Keindahan Seni

Diubahsuai daripada, Ghazali Din (2010: 25)

Walaupun teori SPB4L/4K ini agak popular dalam dunia kesusasteraan Melayu, belum ada usaha daripada penyelidik Tamil untuk menggunakan teori ini dalam penyelidikan Tamil. Oleh hal yang demikian, pengkaji menjadikan Teori SPB4K sebagai bahan teori untuk menganalisis hasil KTK. Pendekatan sedemikian rupa adalah satu bentuk pengiktirafan kepada salah seorang local genius kita iaitu, kepada Profesor Emiratus Mohd. Yusof Hasan selain membuka minda para penyelidik lain pengkaji untuk melairkan satu model tersendiri yang dapat melambangkan identiti masyarakat Tamil khasnya daripada Malaysia.

2.4 Konsep Kesusasteraan Tamil klasik

Sesebuah hasil kesusasteraan itu adalah dikatakan dari daya kemahiran dan akal yang tinggi yang dapat melahirkan penciptaan keindahan dan kemampuan intelek (Kamaludin Muhammad, 2006:523). Kesusasteraan Tamil merupakan salah sebuah kesusasteraan yang kaya dengan nilai-nilai sastera yang tinggi dan abadi dan mewarisi sejarah yang panjang iaitu, lebih kurang dua puluh lima kurun lamanya (M.Varatharasanar, 2007:20).

Menurut Kamil Zvelebil (1973:xi), KTK, belum lagi mendapat perhatian dan sanjungan yang secukupnya daripada mereka yang bukan berketurunan *Dravida*. KTK juga, belum didedahkan dengan secukupnya kepada Alam Melayu. Salah satu sebab mengapa sebahagian besar Alam Melayu tidak menyedari akan kekayaan kesusasteraan Tamil secara meluas ialah kerana tiadanya bahan-bahan bacaan yang mencukupi mengenainya dalam Bahasa Melayu. Oleh yang demikian, usaha perlu dilakukan bagi mengatasi kekurangan tersebut.

2.4.1 Konsep Kesusasteraan

Kesusasteraan merangkumi karya klasik dan karya moden yang terbahagi kepada dua genre iaitu, genre prosa dan puisi (Ani Omar, 2011:1). Istilah kesusasteraan dalam bahasa Inggeris disebut sebagai '*literature*' yang berasal daripada perkataan bahasa Latin yang disebut '*literatura*' yang membawa maksud huruf atau abjad. Manakala istilah kesusasteraan dalam Bahasa Melayu berasal daripada bahasa Sanskrit yang berbunyi '*sastra*' yang boleh diasingkan sebagai '*sas*' dan '*tra*'. Istilah '*sas*' merujuk kepada kata

kerja yang membawa maksud ‘untuk menunjukkan’, ‘untuk dipandukan’ dan ‘untuk diarahkan’, manakala istilah ‘tra’ merujuk kepada alat atau buku panduan. Daripada istilah sastera terbit istilah kesusasteraan yang membawa maksud bahawa sesuatu yang indah dan baik. Dalam hal ini, istilah kesusasteraan merujuk kepada hasil penulisan yang mempunyai nilai seni atau artistik yang dapat memberi arahan, panduan dan hala tuju (Harun Mat Piah, 2006:2).

Kesusasteraan merupakan sebuah alat yang menyalurkan idea dan pandangan sesuatu masyarakat melalui kata-kata yang ideal (K.Subramaniya Pillai, 2009:104). Dalam bahasa Tamil, istilah kesusasteraan disebut sebagai ‘*ilakkiyam*’ yang dikaitkan dengan kata dasar ‘*ilakku*’ yang membawa maksud matlamat. Oleh yang demikian, hasil kesusasteraan seharusnya bermatlamatkan untuk memberi panduan kepada manusia untuk mencapai matlamat yang seharusnya dicapai (A.S. Nyana Sambantan, 1999: 5).

Shahnon Ahmad (1991: 3), Sasterawan Negara melihat seni sastera sebagai seismograf kehidupan yang mempunyai peranan seperti berikut:-

“Jika alat seismograf dapat mencatatkan perihal gerak gempa, novel, cerpen dan sajak pula mencatat perihal manusia; malah lebih daripada tugas seismograf yang khusus, karya sastera cuba menggambarkan, meniru dan yang paling utama menganalisis masyarakat itu sendiri. Sastera dengan rasa karib dan mesra ada hubungan dengan masyarakat. Gerak gemba dalam kehidupan ialah segala rintangan, segala halangan dan kemiskinan.”

Selain itu, hasil kesusasteraan juga dilihat sebagai sebuah unit budaya yang menunjukkan hubungan dua hala antara pengarang dengan masyarakat. Seseorang pengarang berkemungkinan dipengaruhi oleh masyarakat atau pada masa yang sama cuba mempengaruhi masyarakat yang disekitarnya. Fenomena ini berlaku dalam keadaan sedar maupun tanpa sedar. Menurut Shahnon Ahmad (1991: 3), pemikiran, imaginasi, realiti dan

daya ciptaan seseorang pengarang dipengaruhi oleh masyarakat sekeliling. Keperibadian seorang pengarang dapat diukur apabila pengarang tersebut menggunakan teknik yang betul seseorang pengarang mampu menghidupkan kembali segala aspek kehidupan masyarakatnya.

Usman Awang (1970: 238) merupakan seorang lagi sarjana bahasa tempatan yang terulung yang sentiasa mendekatkan dirinya dengan pergolakan masyarakat. Usman Awang menjelaskan konsep kesusasteraan seperti berikut:-

“Bicara tentang sastera, tidak lain daripada bicara tentang manusia. Dan bicara tentang manusia bererti berbicara tentang seluruh kehidupan lahiriah dan batiniahnya; suka dukanya, marah bencinya; kecewa hampanya; sedih rawannya dengan segala sifat-sifat yang merangkuminya; baik jahatnya, kejam buruknya, budi mulianya, takut beraninya, lemah gagahnya dan sebagainya”

Menurut Usman Awang lagi, penghasilan sesebuah hasil kesusasteraan dipengaruhi oleh corak dan faktor sistem politik, sosial dan ekonomi yang mengikat segala aspek kehidupan sesuatu masyarakat. Faktor-faktor tersebut memberi kesan kepada penciptaan sastera yang menjadi sebahagian daripada bidang kesenian.

Para sarjana memberikan pelbagai pengertian tentang istilah kesusasteraan. Antaranya ialah Wellek Rene dan Austin Warren (1949: 1) yang menghasilkan kajian berjudul, *Theory of Literature* menjelaskan bahawa, ‘*literature as everything in print and as only belles-lettres*’. William F. Irmscher (1975: 2) dalam kajiannya yang berjudul, *The Nature Of Literature: Writing On Literature Topics* pula menjelaskan kesusasteraan sebagai sebuah seni yang lahir daripada bentuk tulisan.

Pendapat ini disokong oleh C.T.Winchester (1899: 42) yang menyatakan bahawa kesemua hasil tulisan yang dihasilkan layak digelar sebagai bahan kesusasteraan dan hasil kesusasteraan tersebut dijaga dengan baik kerana ianya merupakan khazanah bagi sesuatu bahasa dan bangsa yang terdapat dalam sesebuah negara. Pandangan seperti ini disangkal kerana bukan semua penulisan yang dicetak bergelar kesusasteraan tetapi hasil-hasil yang berkaitan dengan budaya dan ketamadunan manusia sahaja dapat dianggap sebagai bahan kesusasteraan (R.Walleck & A.Warren, 1949: 10).

Dalam pada itu, sarjana bernama Hudson (1913: 10-30) didapati memberikan pengertian yang agak menarik tentang konsep kesusasteraan. Beliau merumuskan kesusasteraa sebagai:-

- i. Unsur-unsur kecemerlangan yang dilalui dalam kehidupan manusia.
- ii. Perkara-perkara yang masih dapat mewujudkan tarikkan kepada manusia untuk mendekatinya walaupun telah ditelan zaman.
- iii. Idea-idea yang difikirkan dan direnungkan oleh para penyair daripada zaman dahulu sehingga zaman sekarang.

W.H.Hudson merumuskan bahawa sebuah kesusasteraan seharusnya menceritakan segala perkara di atas dengan menggunakan bahasa sebagai alat untuk mencerminkan pengalaman kehidupan manusia. Selain ini ada pendapat yang menyatakan, “*true literature should reflect the sosial life, it is a mirror*” (A.Aari, 2014: 181). Hal ini disokong Ani Omar (2012: 68) yang menyatakan bahawa hasil kesusasteraan merupakan cerminan sesuatu bangsa atau masyarakat menampakkan satu persamaan pendapat dalam kalangan penganalisis sastera. Karya sastera itu menjadi alat penyampaian pemikiran sesuatu

bangsa kerana hasil kesusasteraan tersebut mengandungi falsafah ilmu yang perlu dikaji dari sudut falsafah ilmu dan pendidikan (Ani Omar, 2011: 2). Kesusasteraan juga menjadi platform untuk menceritakan pergolakkan-pergolakkan yang melanda sesuatu masyarakat (S.Jaafar Husin, 2006:696).

A.S. Nyana Sambantan (1999: 19) pula, merumuskan kesusasteraan sebagai sesuatu yang berkait rapat dengan perkara-perkara seperti berikut:-

- i. Kehidupan manusia yang terdiri daripada pemikiran, perasaan dan daya imaginasi.
- ii. Bahasa yang dipertuturkan oleh manusia yang dikarang dalam puisi ataupun prosa.
- iii. Dapat merangsangkan fikiran, menyakinkan idea-idea bernas sambil mewujudkan unsur keseronokkan.

Bagi N.Sanjivi, (2010: 50-51), sesuatu hasil kesusasteraan harus memiliki empat nilai iaitu, nilai inovasi, kebanggaan, kesejagatan dan kebenaran. Menurutnya, pembaharuan dari segi tema dan bentuk dapat mewujudkan tarikkan kepada pembaca. Manakala idea, tema, gaya bahasa yang indah, pengajaran dan sebagainya yang dipaparkan oleh hasil kesusasteraan tersebut akan mewujudkan nilai kebanggaan dan kesejagatan. Keempat-empat nilai ini saling berkaitan dan tidak dapat dipisahkan. Bagi Sohaimi Abdul Aziz (2003: 84), kajian kesusasteraan memungkinkan kesusasteraan itu berdiri sebagai satu ilmu yang mengandungi empat disiplin utama iaitu, teori sastera, sejarah sastera, kritikan sastera dan kesusasteraan bandingan. Dalam hal ini, kritikan sastera memberi perhatian khusus kepada teks sastera .

2.4.2 Konsep Kesusasteraan Klasik

Istilah klasik bermaksud sesuatu yang bermutu dan tinggi nilainya. Istilah ‘klasik’ turut merujuk kepada karya-karya kuno tentang kesusasteraan, kesenian, budaya serta mempunyai ciri-ciri pensejarahan pada zaman Greek dan Latin. Menurut M.Raghavan (2003: 15), istilah klasik mempunyai empat pengertian seperti berikut:-

- i. Merujuk kepada seorang penulis, seniman atau karya seninya diakui bermutu tinggi dan nilainya berpanjangan.
- ii. Sesuatu yang luar biasa daripada jenisnya.
- iii. Merujuk kepada kajian bahasa dan kesusasteraan Yunani dan Rom Kuno.
- iv. Pemakaian yang gayanya tradisional.

Pendefinisian dan ciri-ciri yang diutarakan bersikap berat sebelah kerana ianya hanya didasarkan kepada hasil kesusasteraan Rom dan Yunani. Terdapat enam bahasa yang diberikan taraf sebagai bahasa klasik. Dalam hal ini, bahasa Tamil dan bahasa Sanskrit yang berasal dari benua kecil India merupakan antara bahasa klasik yang mewarisi nilai estetika yang tinggi (M.Raghavan, 2003: 15). V.S. Kulanthai Samy (2006: 15) menggariskan sembilan ciri yang sepatutnya ada pada sesuatu hasil kesusasteraan klasik yang dapat dilihat dalam KTK iaitu:-

- i. Kekunoan (*Antiquity*)
- ii. Keharmonian (*Harmony*)
- iii. Kejelasan (*Clarity*)
- iv. Kekekangan (*Restraint*)

- v. Ketenangan (*Serenity*)
- vi. *Cita-cita dan wawasan (idealism)*
- vii. Alasan dan sebab (*Reason*)
- viii. Ketutur aturan (*Order*)
- ix. Kemanusiaan (*Humanness*)

Penghasilan sesuatu hasil kesusasteraan klasik mempunyai tujuan dan hala tujunya yang tersendiri. W.H.Hudson (1913: 11) menerusi bukunya yang berjudul, *An Introduction To The Study Of Literature* menjelaskan akan kepentingan kesusasteraan seperti berikut:-

“Why do we care about literature? We care literature, primarily on account of its deep and lasting human significance. A great book grows directly out of life; in reading it, we are brought into large, close, and fresh relations with life; and in that fact lies the final explanations of its power. Literature is a vital record of what men seen in life, what they have experienced of it, what they thought and felt about those aspects of it which have the most immediate and enduring interest for all of us. It is thus fundamentally an expression of life through the medium of language.”

Kebanyakan manusia membaca bahan kesusasteraan untuk keseronakkan. Namun ia sepatutnya tidak berhenti di situ sahaja. Pembacaan bahan kesusasteraan akan menjadikan seseorang mahir dalam penguasaan bahasa dari segi penggunaan kosa kata yang sesuai. Selain itu ia turut membawa seseorang itu menyelami perasaan orang lain yang seterusnya membawa kepada perkembangan Pemikiran Logik dan Kritis (D.U.Seyler & R.A. Wilan, 1990:4). Sesebuah kesusasteraan dihasilkan berdasarkan dua tujuan iaitu, pelajaran dan hiburan (R.Welleck & A.Warren, 1949: 29). Tujuan pembelajaran hasil sastera tersebut dapat diperjelaskan dalam jadual seperti berikut:-

Jadual 2.7: Kepentingan Hasil Kesusasteraan

Pelajaran	Hiburan
Dapat memberi pengetahuan	Dapat memberi ketenangan atau kerehatan fikiran iaitu, menghilangkan rasa penat selepas bekerja penat
Dapat menjelaskan dan mentakrifkan perkara-perkara yang sedia diketahui umum tetapi tidak dapat difahami oleh pembaca secara khusus	Dapat memberi kepuasan intelektual melalui permainan fikiran dalam bentuk fantasia atau rekaan
Dapat menghidupkan daya imaginasi	
Dapat menghidupkan semangat membaca	

Diubahsuai daripada, Hashim Awang (1984 :13)

Pandangan P.Subramaniam (1999: 389) dalam bukunya berjudul, *Social History Of Tamils*, menjelaskan bahawa hasil kesusasteraan sebenarnya merupakan sebuah khazanah sejarah kerana ia memaparkan cara hidup sebenar masyarakat beserta pemikiran mereka. Beliau menjelaskan kepentingan kesusasteraan seperti berikut:-

“The value of literature as a source of history, especially ancient, can hardly be exaggerated as it reflects truly the life and thought of the people”.

Kepentingan kesusasteraan klasik secara umumnya penting dalam proses memahami budaya dan sejarah sesebuah masyarakat. Kesusasteraan klasik bertanggungjawab menerangkan sejarah (R.Welleck & A.Warren, 1949: 10). Jika sejarah dapat membantu memahami sesuatu kesusasteraan, kesusasteraan pula membantu mengenali sejarah sesuatu masyarakat (R.Alakappan, 2001: 97). Karya kesusasteraan juga membolehkan seseorang pembaca dapat meramal dan merumus sambil menganalisis, membuat keputusan bagi menyelesaikan masalah yang merupakan sebahagian daripada kemahiran berfikir aras tinggi (N.S.Rajendran, 2000:1). Bagi MTA, istilah kesusasteraan dikaitkan dengan ‘ceyyu!’ iaitu, puisi (A.S. Nyana Sambantan, 1999: 5). Dalam hal ini, pemikiran MTA dapat dihalusi melalui pembacaan dan penganalisisan KTK .

2.4.3 Pengenalan Kesusasteraan Tamil Klasik

Kesusasteraan Tamil memiliki sejarah yang panjang (S.N.Kandaswamy, 1996: 79), iaitu, bermula daripada KTK dan sehingga kesusasteraan Tamil moden hari ini (Kavya Shanmuga Sundram, 2010:18). KTK yang digelar sebagai *Caṅka Ilakkiyam* merupakan hasil kesusasteraan teragung dan mempunyai keunikkan tersendiri dalam sejarah kesusasteraan Tamil (R.Mohan, 2010; 165). V.Cuba Manikam (1989: ix) menjelaskan kepentingan KTK kepada masyarakat Tamil seperti berikut:-

“Seseorang yang berbangsa Tamil yang tidak mendapat pendidikan kesusasteraan Tamil Sangam tidak akan memahami keagungan bangsanya”.

Sarjana P.Kotandaraman (1994: 3) membahagikan kesusasteraan Tamil kepada tiga tradisi yang dapat diperjelaskan seperti berikut:-

Jadual 2.8: Tiga Tradisi Dalam Kesusasteraan Tamil

Jenis Tradisi	Penjelasan
Tradisi Cendekiawan (<i>Pulavar neri</i>)	Kebanyakan hasil kesusasteraan yang diperolehi adalah menggunakan tradisi cendekiawan. Para cendekiawan yang menggunakan tradisi ini menghasilkan sesuatu hasil kesusasteraan berdasarkan hukum-hukum tatabahasa dan jalinan bahasa yang indah. Contoh hasil tradisi cendekiawan ialah kesusasteraan <i>Sangam</i> , <i>Cilappatikāram</i> , <i>Maṇimēkalai</i> , <i>Tirukkural</i> , <i>Nālaṭiyār</i> dan sebagainya.
Tradisi Wali (<i>Cittar neri</i>)	Hasil kesusasteraan yang menggunakan tradisi wali, menggunakan bahasa yang mudah dan membicarakan falsafah hidup, sistem perubatan tradisional dan amalan yoga.
Tradisi Masyarakat (<i>Makkal neri</i>)	Hasil kesusasteraan jenis tradisi masyarakat dianggap sebagai hasil kesusasteraan yang paling awal berbanding dengan yang lain kerana ia berkait rapat dengan kehidupan masyarakat dan adakalanya tidak diketahui siapa pengarangnya. Antara contoh hasil kesusasteraan tradisi masyarakat ialah peribahasa, lagu rakyat, teka teki dan sebagainya.

Diubahsuai daripada, P.Kotandaraman (1994:3)

KTK menggunakan tradisi cendekiawan dapat diperincikan kepada beberapa lagi tradisi seperti tradisi semulajadi ‘*Iyarkai neri*’, tradisi pertapaan ‘*Tava neri*’ dan tradisi agama ‘*Pakti neri*’ dan sebagainya (P.Kotandaraman, 1994: 4-16).

2.4.3.1 Pendefinisian Zaman *Sangam*

Raja-Raja Pāṇṭiyā dikatakan telah menubuhkan sebuah akademi penyair-penyair mahir yang dipanggil *Tamilc caṅkam* yang disamakan dengan akademi cendikawan Peranchis (S.N.Kandaswamy, 1996: 79). Ada pandangan bahawa pada abad keempat dan kelima S.M, para sami yang beragama Jaina turut menubuhkan *Sangam* sebagai pertubuhan yang menghulurkan bantuan pendidikan dan agama kepada orang ramai (M.S.Purnalingam Pillai, 1985: 14). Ada sarjana yang berpendapat bahawa pertubuhan sedemikian semestinya sudahpun wujud sebelum itu dan antologi KTK seperti *Eṭṭuttokai* dan *Pattuppāṭṭu* dihasilkan oleh para penyair yang menganggotai pertubuhan yang bergelar *Sangam* tersebut. Ada sarjana beranggapan istilah *Sangam*, berasal daripada istilah Sanskrit yang bermaksud persatuan (N.Subrahmanian, 1966: 3) kerana tiada penggunaan istilah sedemikian dalam karya *Tolkāppiyam* ataupun dalam puisi-puisi KTK (S.V.Subramaniam,2006: 7)

Istilah *Sangam* membawa pelbagai maksud dalam konteks kesusasteraan Tamil. Pertamanya, ianya sering dikaitkan dengan satu badan iaitu akademi penyair *Sangam* (S.Saradhampal, 1993:101). Akademi ini dikatakan telah memainkan peranan sebagai badan utama untuk menapis dan meluluskan karya kesusasteraan Tamil (S.Bala Sundaran, 1956:2) Sesuatu karya kesusasteraan Tamil hanya akan diterima sebagai karya kesusasteraan sekiranya mendapat pengiktirafan akademi tersebut (S.M.Ponniah., 2005:2).

Keduanya istilah *Sangam* digunakan sebagai istilah bagi mengenali zaman iaitu, zaman *Sangam* yang mana tempoh masanya sekitar 400 tahun. Ketiganya ialah, hasil-hasil karya ciptaan zaman tersebut dikenali sebagai kesusasteraan *Sangam* ataupun *Caṅka ilakkiyam*. Keempat, istilah *Sangam* digunakan untuk menunjukkan kebesaran bahasa Tamil, iaitu, *Caṅkat Tamil* yang membawa maksud bahasa yang dipelihara oleh akademi sejak awal lagi (K.Zvelebil, 1974:11).

2.4.3.2 Tempoh Zaman *Sangam*

Tempoh zaman *Sangam* agak sukar untuk ditetapkan (C.Jesudasan, 1961:9) dan mempunyai pandangan yang berbeza dalam kalangan para sarjana. Menurut Tamilannal (1994: 111-112), beberapa sarjana seperti Srinivasa Iyengar, Vaiyapuri Pillai, dan Sivarasa Pillai menolak kewujudan zaman *Sangam*. P.Ramanathan (1998: 30) pula, menyatakan bahawa zaman *Sangam* wujud antara 300 S.M hingga 300 S.M. Menurut Kamil Zvelebil (1973: 23-24) dalam bukunya ‘*The Smile Of Murugan: On The Tamil Literature Of South India*’, persoalan menentukan kerangka masa zaman *Sangam* dalam bab ‘*Problem Of Dating, Relative And Absolute Chronology*’ Beliau bersetuju dengan pandangan beberapa orang sarjana seperti Nilakantha Sastri dan S.Vaiyapuri Pillai bahawa kesusasteraan *Sangam* bermula pada abad kedua S.M. M.Varatharasanar (2007: 30) yang memenangi anugerah sahatyia akademi bagi kajinya yang berjudul, *Tamil Ilakkiya Varalāru*, merumuskan bahawa zaman *Sangam* wujud antara tahun 500 S.M hingga 200 S.M. Pendapat yang sama disuarakan oleh P.Kothandaraman (1997: 52) dalam kajianya yang berjudul, *Aspects of the Tamil Culture*.

Zaman *Sangam* dikatakan sebenarnya merangkumi tiga akademi (E.L.Thambi Muttu, 1945: 14-16). *Nakkīrar* iaitu, salah seorang pujangga Tamil (tahun 650-750 masih) menyatakan akan kewujudan tiga *Sangam* yang dipelopori oleh Raja-Raja *Pāṇṭiya* (R.Alakappan, 2001: 22). Butir maklumat ini terdapat dalam karya ciptaan *Nakkīrar* yang berjudul, *Iraiyanār Akapporul*. Maklumat seumpama ini juga boleh dilihat dalam karya *Tiruviḷaiyāṭal Purāṇam* ciptaan *Perumparrap Puliyur Nambi* (Purnalingam Pillai, 1985: 32-37). Butir maklumat mengenai tiga buah *Sangam* adalah seperti yang tertera dalam jadual seperti berikut:-

Jadual 2.9: Kewujudan Tiga Akademi *Sangam*

Akademi	Penjelasan
<i>Sangam</i> Pertama (<i>Mutal caṅkam</i>)	<i>Sangam</i> pertama (akademi pertama) dikatakan bertempat di Madurai selatan. Kini tempat ini ditenggelami oleh laut (<i>Katal kollappatta Madurai</i>). Akademi ini dikenali sebagai <i>Talaicsangam</i> . Ianya dikatakan mempunyai 4449 orang penyair (<i>pulavar</i>) dan telah bertahan 4440 tahun lamanya.
<i>Sangam</i> Kedua (<i>Itaic caṅkam</i>)	<i>Sangam</i> kedua (akademik kedua) pula bertempat di <i>Kapatapuram</i> yang telah ditenggalami oleh laut. Akademi ini berterusan untuk 3700 tahun dengan 3700 orang penyair.
<i>Sangam</i> Ketiga (<i>Kaṭaic caṅkam</i>)	<i>Sangam</i> ketiga pula bertempat di Madurai moden. Akademi ini berterusan selama 1850 tahun di bawah 49 orang pemerintah dengan 449 para penyair.

Diubahsuai daripada, S.Iavarasu (2010:7-8)

Kajian tentang kesahihan kenyataan di atas tidak dilakukan oleh pengkaji kerana ianya akan memakan masa dan ruang yang panjang. Apa yang penting ialah akan adanya butiran maklumat seumpama ini yang menjelaskan akan pertemuan para penyair dari masa ke semasa yang berjaya mengumpulkan antologi KTK (M.Varatharasan, 2007: 33). Hasil ciptaan *Sangam* pertama dan kedua dikatakan terkubur bersama zamannya. Apa yang

tinggal dan diperolehi sekarang ialah hasil ciptaan zaman *Sangam* ketiga yang dianggap sebagai zaman keemasan kesusasteraan Tamil (S.Vaiyapuri Pillai, 2006: 1). Menurut Tamillannal (1994: 116), kebanyakan sarjana bersetuju bahawa zaman *Sangam* ketiga wujud pada 250 S.M.

Kesemua hasil karya *Sangam* berbentuk puisi yang terdiri daripada tiga hingga 800 baris dan terdapat 2381 buah puisi yang terdiri daripada lebih kurang 30,00 baris kesemuanya (K.A.Nilakanta Sastri,1964:127). Hampir separuh daripada puisi-puisi tersebut dicipta oleh 16 orang penyair daripada 473 orang penyair yang dikenali dengan nama asal dan 102 daripadanya tidak diketahui nama sebenar (G. L.Hart, 1975: 7). Para penyair ini terdiri daripada pelbagai golongan termasuk pemerintah, dan orang kebanyakan Terdapat juga 45 orang penyair perempuan (N.Sanjivi, 2010: 309-310).

2.4.4 Pembahagian Kesusasteraan Tamil klasik

Hasil kesusasteraan zaman *Sangam* dibandingkan dengan zaman Pericilian dalam tamadun Yunani dan zaman keemasan Gupta (S.N.Kandaswamy, 1996: 79). Namun demikian, KTK menunjukkan kelainan kerana tidak dipengaruhi oleh mana-mana hasil kesusasteraan yang wujud pada masa itu (C.S.S.Soma Suntaranar, 2006:295). Terdapat percanggahan pendapat dalam kalangan sarjana dalam pembahagian KTK. N.Subramanyan (1986: 32), mengutarakan pandangan bahawa ada sarjana yang menganggap bahawa KTK merujuk kepada teks *Eṭṭuttokai*, *Pattuppāṭṭu*, *Patinēñmēl Kaṇakku Nūlkal*, *Cilappatikāram*, *Maṇimēkalai* dan teks tatabahasa *Tolkāppiyam*. Pandangan ini dibina berdasarkan teks *Akapporul* oleh *Iraiyanār*.

Namun demikian, antologi *Eṭṭuttokai* dan *Pattuppāṭṭu* sahaja dianggap sebagai kesusasteraan zaman *Sangam* yang sah (Sivaraja Pillai, 1984:27). Kenyataan ini dapat dibuktikan dengan melihat hasil kajian beberapa orang sarjana besar dalam bidang kesusasteraan Tamil seperti M.Varatarasanar, Va.Cuba Manikkam, Thani Nayagam Adikalar yang hanya memanfaatkan karya *Eṭṭuttokai* dan *Pattuppāṭṭu* sebagai bahan kajian mereka terhadap kesusasteraan *Sangam* (Tamillannal, 2008:241). S.N.Kandasamy salah seorang sarjana terunggul dalam bidang KTK menjelaskan keagungan KTK sebagai, ‘*these are regarded to be the finished products of Tamilian intellect* yang membawa maksud bahawa KTK merupakan tunjang kepada keintelektualan masyarakat Tamil.

2.4.4.1 Kesusasteraan Antologi *Eṭṭuttokai*

Istilah *Eṭṭuttokai* dapat dipecahkan kepada dua perkataan iaitu *Eṭṭu* dan *tokai*. *Eṭṭu* bererti lapan dan *tokai* bererti antologi. *Eṭṭuttokai* merupakan koleksi yang mendukung lapan antologi (Sivaraja Pillai, 1984: 15). Kesemua puisi-puisi *Eṭṭuttokai* dicipta oleh beberapa penyair dalam tempoh waktu yang berbeza. Daripada lapan antologi, enam antologi iaitu *Kuruntokai*, *Narrinai*, *Akanāñūru*, *Patiruppattu* dan *Puranāñūru* dikatakan wujud pada peringkat awal zaman *Sangam* dan baki dua antologi iaitu *Kalittokai*, dan *Paripāṭal*, hanya wujud pada akhir zaman *Sangam* (J.MSomasundaram Pillai, 1967: 105). Teks Antologi *Eṭṭuttokai* tersebut dapat diperjelaskan seperti berikut:-

Jadual 2.10: Kandungan Antologi *Ettuttokai*

Antologi <i>Ettuttokai</i>	Tema dan Persoalan
<i>Kuruntokai</i>	<i>Kuruntokai</i> dinamakan sedemikian kerana terdiri daripada puisi berbaris yang pendek dan dipercayai antara koleksi yang awal yang dikumpulkan. Terdapat 401 buah puisi yang dicipta oleh 205 orang penyair dan terdiri daripada 4 hingga 8 buah baris yang mengutamakan gambaran perasaan manusia.
<i>Narrinai</i>	<i>Narrinai</i> merupakan sebuah koleksi puisi yang terdiri daripada 9 hingga 12 baris dan terdapat 400 buah lagu kesemuanya. Namun demikian, puisi yang ke 234 dan 385 tidak diperolehi.
<i>Akanāñūru</i>	<i>Akanāñūru</i> membawa maksud 400 puisi yang membincangkan tema <i>akam</i> . Puisi-puisi yang terdapat dalam koleksi ini dicipta oleh beberapa penyair dalam tempoh waktu yang berbeza dan terdiri daripada 13 baris hingga 31 baris.
<i>Aiñkurunūru</i>	Puisi <i>Aiñkurunūru</i> menghuraikan lima bentuk muka bumi iaitu, <i>Marutam</i> , <i>Neytal</i> , <i>Kuriñci</i> , <i>Mullai</i> dan <i>Pälai</i> . Setiap bentuk muka bumi diperjelaskan dalam 100 buah puisi yang terdiri daripada 3 hingga 6 baris dan dicipta oleh penyair yang berbeza.
<i>Kalittokai</i>	<i>Kalittokai</i> merupakan sebuah koleksi puisi yang dicipta terkenal kerana bunyi asonansi dan aliterasi, serta penggunaan gaya bahasa yang menarik. Terdapat 150 buah puisi dalam <i>Kalittokai</i> dan ia turut membincangkan konsep <i>Peruntiñai</i> , <i>Kaikkiñai</i> dan <i>Mañalērutal</i> yang hanya dapat dilihat dalam koleksi ini sahaja.
<i>Paripātal</i>	Koleksi <i>Paripātal</i> , terdapat 70 buah puisi kesemuanya, tetapi ini hanya terdapat 22 buah puisi yang dapat kita perolehi. Setiap puisinya terdiri daripada 25 hingga 400 buah baris. Dalam puisi-puisi tersebut terdapat 8 buah puisi untuk dewa <i>Tirumāl</i> , dan bagi dewa <i>Murukan</i> pula 31 buah puisi, <i>Kāli</i> sebuah puisi, <i>Vaiyai</i> 26 buah puisi dan Bandar <i>Maturai</i> 4 buah puisi.
<i>Patirruppattu</i>	<i>Patirruppattu</i> merupakan sebuah antologi 100 buah puisi yang dibahagikan kepada 10 buah puisi dalam 10 bahagian. Setiap bahagian menghuraikan kebesaran 10 orang Raja <i>Cēran</i> . Namun demikian, koleksi sepuluh yang pertama dan yang terakhir tidak diperolehi. Baki 80 buah puisi menjelaskan sejarah lapan orang Raja <i>Cēran</i> . Oleh itu karya <i>Patirruppattu</i> merupakan sebuah karya yang penting dalam menganalisa sejarah kerajaan <i>Cēra</i> .
<i>Puranāñūru</i>	<i>Puranāñūru</i> merupakan sebuah koleksi 400 buah puisi yang terdiri daripada 4 hingga 40 baris. <i>Puranāñūru</i> yang membincangkan tema <i>puram</i> membincangkan konsep <i>Veñci</i> , <i>Uñiñai</i> , <i>Uñiñai</i> , <i>Tumpai</i> , dan <i>Vākai</i> . Kehidupan MTA dalam bidang politik, sosiadan ekonomi dapat diketahui melalui puisi-puisi ini.

Diubahsuai daripada, K. Zvelebil (1973: 50-54).

Selain itu, terdapat beberapa maklumat mengenai antologi *Ettuttokai* yang dapat digambarkan dalam jadual seperti berikut:-

Jadual 2.11: Senarai Teks Antologi *Ettotokai*

Antologi <i>Ettuttokai</i>	Tema	Bilangan Puisi	Bilangan penyair	Penyunting
<i>Kuruntokai</i>	<i>Akam</i>	401	205	<i>Pūrikkō</i>
<i>Narrinai</i>	<i>Akam</i>	400	192	<i>Pannātu tanta pāṇtiyan</i>
<i>Akanānūru</i>	<i>Akam</i>	400	142	<i>Maturai uppirakkuṭi kīlar makanār uruttira cañmar</i>
<i>Ainkurunūru</i>	<i>Akam</i>	498	5	<i>Pulattirai mūṭhiya kūṭalūr kīlar</i>
<i>Kalittokai</i>	<i>Akam</i>	149	5	<i>Naccinārkiniyar</i>
<i>Paripāṭal</i>	<i>Akam dan Puram</i>	22	13	Tidak diketahui
<i>Patiruppattu</i>	<i>Puram</i>	80	8	Tidak diketahui
<i>Puranānūru</i>	<i>Puram</i>	399	157	Tidak diketahui
Jumlah Puisi 2381				Jumlah penyair 473 orang

Diubahsuai daripada, Tamillannal (1994: 121-122)

2.4.4.2 Kesusasteraan Antologi *Pattuppāṭṭu*

Pattuppāṭṭu merupakan antologi yang mengandungi antologi sepuluh buah puisi (Sivaraja Pillai, 1984:15) yang dicipta oleh beberapa orang penyair dalam tempoh waktu yang berbeza. Koleksi ini dikatakan menceritakan kehidupan dan ketamadunan MTA dari segi politik, ekonomi dan sosial (M.Arunachalam, 1974.:66). Teks *Pattuppāṭṭu* secara keseluruhan mengandungi 3550 baris (C.Jesudasan, 1961:14) dan puisi yang paling pendek berbaris 103 dan paling panjang 782 baris (P.T.Srinivasa Aiyangar, 1995:160). Kandungan teks dalam antologi *Pattuppāṭṭu* dapat diperjelaskan seperti berikut:

Jadual 2.12: Kandungan Antologi *Pattuppāṭṭu*

Nama Antologi	Tema dan Persoalan
<i>Tirumurukārruppaṭai</i>	<i>Tirumurukārruppaṭai</i> mengandungi puisi-puisi yang berkaitan dengan dewa <i>Murugan</i> yang menjelaskan tentang enam tapak ibadat dewa <i>Murugan</i> . Seseorang yang membaca teks <i>Tirumurukārruppaṭai</i> dikatakan dapat mencapai mokhsa iaitu kebebasan kerohanian..
<i>Porunarārruppaṭai</i>	<i>Porunarārruppaṭai</i> mengagung-agungkan kebesaran seorang Raja bernama Karikālañ dan mengandungi 248 baris. Teks puisi ini menjelaskan keperwiraan Raja Karikālañ dalam medan peperangan dan juga keindahan sungai <i>Kaveri</i> .
<i>Ciruppāñārruppaṭai</i>	<i>Ciruppāñārruppaṭai</i> menjelaskan kebesaran dan kemuliaan hati Raja Nallikkōtañ oleh seorang penyair yang baru menerima hadiah bagi mengatasi kemiskinan kepada seorang penyair miskin.
<i>Perumpāñārruppaṭai</i>	<i>Perumpāñārruppaṭai</i> mengisahkan tentang penceritaan seorang penyair kepada seorang penyair miskin menggambarkan tentang kebesaran dan kemuliaan hati Raja Tonṭaimāñ Ilantiraiyan yang memerintah sebuah negara yang bernama Kāñci
<i>Mullaippāṭṭu</i>	<i>Mullaippāṭṭu</i> merupakan puisi yang paling pendek iaitu hanya mengandungi 103 baris. Puisi ini dikatakan memuji Raja Netuñceliyan walaupun namanya tidak tertera dalam puisi ini. <i>Mullaippāṭṭu</i> mengisahkan tentang kehidupan masyarakat di tapak <i>Mullai</i> dan membawa tema <i>akam</i> .
<i>Maturaikkāñci</i>	<i>Maturaikkāñci</i> mengisahkan tentang Raja Netuñceliyan dan mengandungi 782 baris iaitu, puisi yang paling panjang. Puisi yang dicipta oleh <i>Mangundi</i> Marudanar ini mengisahkan tentang keburukan peperangan dan memberi panduan dan pengajaran tentang kehidupan dunia yang tidak kekal lamanya.
<i>Netunalvāṭai</i>	<i>Netunalvāṭai</i> mengisahkan kebesaran Raja Netuñceliyan yang telah pergi ke medan peperangan pada waktu malam dan melihat para tentera dan haiwan-haiwan yang tercedera. Manakala <i>Talaivi</i> pula berdoa kepada tuhan <i>Koravai</i> bagi kepulangan <i>Talaivan</i> dengan selamatnya.
<i>Kuriñcippāṭṭu</i>	<i>Kuriñcippāṭṭu</i> mengandungi 261 baris dan dicipta oleh Kapilar yang membawa tema <i>Akam</i> .
<i>Pattinappālai</i>	<i>Pattinappālai</i> mengisahkan kebesaran dan kegemilangan Negara Chola, kekayaan ibu negeri Kāvarippūm Pattinam keperwiraan, Raja Karikālañ dan kehidupan masyarakatnya. Puisi ini secara khasnya mengisahkan tindakan-tindakan Raja Karikālañ iaitu, mengadakan hubungan perdagangan dengan dunia luar yang secara tidak langsung mengharumkan nama Negara <i>Chola</i> kepada dunia luar.
<i>Malaipatukaṭām</i>	<i>Malaipatukaṭām</i> merupakan puisi yang mengisahkan tentang kebesaran seorang Raja bernama <i>Nannan</i> dan mengandungi 583 baris. Puisi ini dicipta oleh <i>Peruñkaucikan</i> menceritakan kehidupan penduduk Negara <i>Navira</i> dan juga terdapat beberapa maklumat tentang alat-alat musik tradisional masyarakat tersebut.

Diubahsuai daripada, K.Zvelebil (1974: 12-25)

Selain itu, terdapat beberapa maklumat mengenai antologi *Pattuppāṭṭu* yang dapat diwakilkan dalam jadual seperti berikut:

Jadual 2.13: Senarai Teks Antologi *Pattuppāṭṭu*

Nama Antologi	Tema	Bilangan Baris Puisi	Nama Penyair	Nama Tokoh Yang Dipujikan
<i>Tirumurukārruppaṭai</i>	<i>Puram</i>	317	Nakkīrar	Kumaravēl
<i>Porunarārruppaṭai</i>	<i>Puram</i>	248	Muṭattama Kaṇṇiyār	Karikālan
<i>Ciruppānārruppaṭai</i>	<i>Puram</i>	269	Nantāñār	Nallikkēṭan
<i>Perumpānārruppaṭai</i>	<i>Puram</i>	500	Uruttirañ Kaṇṇañār	Toṇṭaimāñ Ilantiraiyan
<i>Mullaippāṭṭu</i>	<i>Akam</i>	103	Nappūtañār	Tiada
<i>Maturaikkāñci</i>	<i>Puram</i>	782	Māñkuṭi Marutañār	Pāñtiyan Neṭuñceliyan
<i>Netunalvāṭai</i>	<i>Akam</i>	188	Maturai Kaṇakkāyañār	Pāñtiyan Neṭuñceliyan
<i>Kuriñcippaṭṭu</i>	<i>Akam</i>	261	Kapilar	Āriya aracan Pirakatañ
<i>Patṭinappālai</i>	<i>Akam</i>	301	Uruttirañ Kaṇṇañār	Karikālañ
<i>Malaipatukatām</i>	<i>Puram</i>	583	Peruñ Kaucikañār	Nañnañ
Jumlah Puisi 3550			Jumlah Penyair 10 orang	

Diubahsuai daripada, Balaji & Purushothaman (2001: 8).

2.4.5 Pembahagian Tema Dalam Puisi-Puisi Kesusasteraan Tamil Klasik

KTK terbahagi kepada dua kelompok berdasarkan dua tema yang didukungnya. Pertamanya ialah *akam* dan keduanya ialah *puram* (Va.Cuba Manikkam, 2013:1). *Akam* bererti bahagian dalaman yang dikaitkan dengan perasaan hati. Dalam konteks ini, perasaan cinta yang wujud antara seseorang jejaka dengan seorang gadis dikenali sebagai *akam* (P.Kotandaraman, 1997:60). Jadi puisi-puisi yang bertemakan cinta dikenali sebagai *akapporul*. *Akam* ini bukan bersifat fizikal untuk kita lihat tetapi ianya adalah perasaan hati yang dapat dirasai sahaja. (M.Varatharasan, 1990:6).

Puram bererti bahagian luar ataupun apa yang kita boleh lihat. *Puram* menandakan keperwiraan, keberanian, keadilan, perbuatan mulia dan murah hati (S.N.Kandaswamy, 1994:xiv). Ada sarjana berpendapat bahawa, puisi-puisi *puram* hanya membicarakan hal-hal peperangan yang bersangkut paut dengan keperwiraan dan keberanian (R.Dhandayudham, 1978: 118). Sebenarnya puisi-puisi *puram* juga memuatkan puisi-puisi yang membicarakan hal-hal politik, ekonomi dan sosial MTA secara keseluruhannya (Va.Cuba Manikkam, 1989: 31).

Pembahagian seumpama ini iaitu tema *akam* dan *puram* dikatakan hanya terdapat dalam tradisi kesusasteraan Tamil (Jesudasan, 1961:15). Secara amnya tiga perempat daripada keseluruhan KTK bertemakan *akam* dan bakinya bertemakan *puram*. Daripada sejumlah 2381 buah puisi dalam KTK, 1862 buah puisi adalah bertema *akam* (K.Zvelebil.1986:iv). Hal ini membuktikan bahawa, tema *akam* seolah-olah memonopoli sebagai tema utama dalam KTK (M.Selva Rasan, 1981:302). Kemungkinan besar tema

akam dipentingkan kerana ianya berkaitan dengan kehidupan *kalavu* (cinta sebelum perkhawinan) dan *karpu* (cinta selepas perkhawinan) yang lebih mengembirakan dan bersifat emosional (S.N.Kanthasamy, 1994: 48).

Tema *akam* dan *puram* berhubung rapat dan mempunyai satu perkaitan dan persepsi yang terikat dengan konsep alam yang dibahagikan kepada tiga jenis *porul* (Jeyalakshmi, S. 2014: 269). Konsep alam yang dimaksudkan ialah keadaan bentuk muka bumi yang terdiri daripada *Kuriñci*, *Mullai*, *Marutam*, *Neytal* dan *Pälai*.

Ketiga-tiga *porul* yang dimaksudkan ialah ialah;

- i. *Mutal porul* (konsep asas; kawasan dan waktu)
- ii. *Karup porul* (benda-benda lahir), apa yang secara semulajadi terdapat di kawasan tersebut.
- iii. *Urip porul* (tema khusus yang ditentukkan berdasarkan bentuk muka bumi yang tertentu)

(M.Velusamy, 1986: 138-139)

M. Varatharasan (2007: 30) yang mengungkapkan pandangan Tolkappiyar melihat hubungan antara *mutal porul*, *karup porul* *uripporul* seperti berikut:-

“Karupporul is more important than mutalporul and uripporul is more than mutalporul and uriporul is more important than the other two”

Pernyataan di atas menjelaskan bahawa *uripporul* penting dan bermakna daripada *karupporul* dan *mutalporul* (C.S.S. Soma Suntaranar, 2006: 296). Konsep *mutal porul* dengan puisi-puisi kesusasteraan *Sangam* dapat diwakilkan dalam jadual seperti berikut:-

Jadual 2.14: Konsep *Mutal Porul* Dalam KTK

Tinai	Kawasan	Perumpolulu (waktu panjang)	Ciruppolulu (waktu singkat)
<i>Kuriñci</i>	Kawasan gunung dan sekitarnya.	Musim sejuk, (<i>Mun panikkālam</i>)	Waktu tengah malam (<i>Yāmam</i>)
<i>Mullai</i>	Kawasan beralun dan sekitarnya.	Musim hujan	Waktu petang (<i>Anti</i>)
<i>Marutam</i>	Kawasan bendang sawah padi dan sekitarnya.	Enam waktu yang terdapat dalam sehari	Waktu subuh (<i>Vaikarai</i>)
<i>Neytal</i>	Kawasan pantai dan sekitarnya.	Enam waktu yang terdapat dalam sehari	Waktu senja (<i>Ērpātu</i>)
<i>Pālai</i>	Kawasan kering kontang dan sekitarnya.	<i>Ilavēnil, mutuvēnil</i> dan <i>pinpani</i>	Waktu tengahari (<i>Nañpakal</i>)

Diubahsuai daripada, Backiamary (2011:139).

Konsep *karupporul* yang terdiri daripada pelbagai elemen mengikut bentuk muka bumi yang diuraikan oleh KTK dapat diperjelaskan seperti berikut:-

Jadual 2.15: Konsep *Karupporul* Dalam KTK

<i>Karupporul</i>	<i>Kuriñci</i>	<i>Mullai</i>	<i>Marutam</i>	<i>Neytal</i>	<i>Pälai</i>
Sumber Air	Air terjun	Jeram	Air perigi, tasik dan sungai	Air perigi pasir (<i>Maṇal kiṇaru, uvarkalai</i>)	Perigi yang telah tersejat
Tumbuhan	<i>Akil, vēñkai, tēkku, cantanam</i>	<i>Konrai, kāyā</i>	<i>Kāñci, marutam, vāñci</i>	<i>Puṇṇai, nayadal</i>	<i>Pälai, Iruppai</i>
Bunga	<i>Kuriñci</i>	<i>Mullai</i>	<i>Tāmarai, ceñkālu nūr</i>	<i>Neytal, tałai</i>	<i>Kuravam, pātiri</i>
Burung	Nuri, Merak	Ayam hutan, merak	Bangau, ayam air, <i>Kuruku</i>	Gagak laut, <i>annam</i>	Merpati, helang
Haiwan	Harimau, gajah, beruang, singa	Arnab, kijang	Kerbau, anjing laut	Buaya, ikan yu	Gajah yang lemah, harimau , <i>cennāy</i>
Makanan	Padi bukit, dan jelai (<i>tinai</i>)	<i>Vāku, camai</i>	Padi sawah	Ikan, garam, ikan yu,	Barangan yang dirampas daripada orang lain
Pekerjaan	Mengumpul madu, mencedok ubi, <i>veriyadal</i>	<i>Ēru taļuvutal</i> , menternak lembu susu	Bekerja di sawah padi, <i>putu nīrāṭal</i>	Menangkap ikan, mencemur ikan, mengutip garam	Mencuri, merompak, merampas lembu
Alat Gendang (<i>Parai</i>)	<i>Tonṭakam</i>	<i>Eru Kodparai</i>	<i>Maṇamuḷla, nellarikiṇai</i>	<i>Mūṇ kōṭparai</i>	<i>Tuṭi</i>
Alat muzik (<i>Yāl</i>)	<i>Kuriñci yāl</i>	<i>Mullai yāl</i>	<i>Maruta yāl</i>	<i>Viṭari yāl</i>	<i>Pälai yāl</i>
Jenis Muzik (<i>pan</i>)	<i>Kuriñcip pan</i>	<i>Mullai pan</i>	<i>Maruta pān</i>	<i>Cevvali pān</i>	<i>Pañcūrap pan</i>
Tuhan	<i>Muruukan</i>	<i>Tirumāl</i>	<i>Vēntaṇ (Intiran)</i>	<i>Varuṇaṇ</i>	<i>Korravai</i>
Penduduk	<i>Vētpaṇ, kuravaṇ, kuratti</i>	<i>Tōṇral, ayan, ācci</i>	<i>Ūraṇ, (ulavaṇ, ulatti)</i>	<i>Cērppāṇ, paratavaṇ, pārati</i>	<i>Eyiṇaṇ, maravaṇ, marātti</i>
Petempatan (<i>Ur</i>)	<i>Cirukuṭi</i>	<i>Pati, cēri</i> (Kampung)	(<i>Pērūr</i>) Bandar besar, <i>Mūttūr</i> Bandar lama)	Bandar, <i>pakkam</i>	<i>Kurumpu</i>

Diubahsuai daripada, Tamillannal (1994: 167) dan S.Saradhampal (1993:138-139)

2.4.5.1 Tema *Akam*

Konsep tema dikenali dengan istilah *porul*. Oleh yang demikian, puisi-puisi yang bertemakan cinta dikenali sebagai *akapporul* (S.Kumaran, 1995: 2). Tema *akam* menggambarkan perasaan dalaman dan nadi kepada perasaan dalam itu ialah perasaan cinta (Va.Cuba Manikkam, 2013:9). Tema *akam* adalah cinta rahsia hidup iaitu, bataniah dan asas kepada prinsip dalaman (S.Singaravelu, 2006:118). Sememangnya tema *akam* ini menggambarkan kehidupan cinta sebelum berkhawin, dan selepas perkawinan sahaja (K.Zvelebil, 1973:91).

Oleh kerana cinta ialah kuasa utama dalam sentimen hubungan manusia, khasnya antara seorang lelaki dan wanita, maka aspek ini mewarnai sebahagian besar KTK (S.M.Vengatasamy,1973:1). Ada pandangan bahawa, seseorang yang ingin belajar bahasa Tamil perlu dididik dengan pembelajaran tema *akam* terlebih dahulu. Kenyataan ini menjelaskan kepentingan tema *akam* dalam kesusasteraan Tamil. (Va.Cuba Manikkam, 2009:255).

Tema *akam* dikaitkan dengan *mutalporul* yang dikenali sebagai disiplin *aintiṇai* (P.T.Srinivasa Aiyanggar, 1995 :3-4) yang membawa erti lima jenis bentuk muka bumi yang terdiri daripada *Kuriñci*, *Mullai*, *Neytal*, *Marutam* dan *Pālai* (P.T.Srinivasa Aiyanggar, 1995: 19.). Oleh yang demikian, puisi-puisi yang membawa tema *akam* juga digelar sebagai *akattiṇai* (K.K.Pillai, 1969:168). Setiap kawasan diberi nama mengikut nama pokok bunga yang tumbuh subur di kawasan tersebut (X.S. Thani Nayagam, 1966:75).

Kajian tentang budaya MTA, mendedahkan kehidupan masyarakat Tamil yang berkait rapat dengan warna dan tekstur flora dan fauna. MTA bagaikan gemar dengan sumber alam semulajadi untuk dijadikan sumber kecantikkan dan inspirasi dalam segala hal yang mereka lakukan. Konsep alam semulajadi yang unik ini telah dijadikan sebagai latarbelakang dalam penghasilan puisi-puisi klasik (K.Baskaran, 1979:58).

Antara lima bentuk muka bumi dan jenis bunga yang dimaksudkan ialah *Kuriñci*, *Mullai*, *Neytal*, *Marutam* dan *Pālai* yang dapat diperjelaskan dalam jadual seperti berikut:-

Jadual 2.16: Ciri-Ciri Bentuk Muka Bumi

Jenis Bunga	Ciri-Ciri Bentuk Muka Bumi			
 <p>5. குறிஞ்சி kurinji</p> <ul style="list-style-type: none"> Common Name: Kurunji, Neelakurinji Botanical name: <i>Strobilanthes kunthiana</i> (Nees) T. Anderson <p>http://www.flowersofindia.net/catalogides/Kurunji.html</p> <p>http://karankika.org/</p> <p>9</p>	<p><i>Kuriñci</i> merupakan istilah yang digunakan untuk menandakan kawasan pergunungan ataupun tanah tinggi. <i>Kuriñci</i> (<i>Strobilanthes kunthiana</i>) merupakan nama sejenis tumbuhan yang tumbuh dengan banyaknya dan dengan subur di kawasan pergunungan. Bunganya dikenali sebagai bunga <i>Kuriñci</i>. Bunga ini dikatakan hanya akan mekar setiap dua belas tahun. Hal ini tidak bererti bunga <i>Kuriñci</i> hanya terdapat di kawasan pergunungan tetapi ianya tumbuh subur di kawasan tersebut.</p>			
 <p>46. மூலை mullai</p> <p>Mullai could mean <i>Jasminum sambac</i> (L.) Aiton / <i>Jasminum trichotomum</i> Heyne ex Roth / <i>Jasminum auriculatum</i> Vahl</p> <table border="0"> <tr> <td>Single Mogra <i>Jasminum sambac</i> var. 'Belle of India'</td> <td>Double Mogra <i>Jasminum sambac</i> var. 'Grand Duke Of Tuscany'</td> <td>Sampaguita <i>Jasminum sambac</i> var. 'Maid of Orleans'</td> </tr> </table> <ul style="list-style-type: none"> Common Name: Arabian jasmine Botanical name: <i>Jasminum sambac</i> <p>http://www.flowersofindia.net/searchesearch.php?query=Jasminum+sambac&stype=0&ttype=AND</p> <p>53</p>	Single Mogra <i>Jasminum sambac</i> var. 'Belle of India'	Double Mogra <i>Jasminum sambac</i> var. 'Grand Duke Of Tuscany'	Sampaguita <i>Jasminum sambac</i> var. 'Maid of Orleans'	<p><i>Mullai</i> merupakan istilah yang digunakan untuk mengenali kawasan tanah pamah beralun yang dijadikan sebagai kawasan ternakan lembu. <i>Mullai</i> (<i>Jasminum sambac</i>) ialah sejenis bunga yang tumbuh subur di kawasan tanah pamah beralun ini.</p>
Single Mogra <i>Jasminum sambac</i> var. 'Belle of India'	Double Mogra <i>Jasminum sambac</i> var. 'Grand Duke Of Tuscany'	Sampaguita <i>Jasminum sambac</i> var. 'Maid of Orleans'		

52. நெய்தல் neytal



Neytal merupakan istilah yang menandakan kawasan pantai dan tumbuhan *Neytal* (*Nymphaea stellata*) ini tumbuh paling subur di kawasan ini. Penduduk di sini terlibat dalam aktiviti perikanan dan mendapatkan garam daripada air laut.

33. மருதம் marutam



Marutam (*Terminalia elliptica*) merupakan bunga yang dirujuk bagi kawasan *Marutam*. Ia menandakan kawasan sawah padi ataupun bendang iaitu, kawasan bersaliran buruk. Tumbuhan tumbuh *Marutam* subur di kawasan ini.

45. பாலை pālai



Pālai merupakan kawasan yang kering dan kontang. Kawasan ini mengalami iklim yang sangat panas dan juga dikenali sebagai kawasan gurun. Tumbuhan *Pālai* (*Wrightia tinctoria*) iaitu, sejenis paku-pakis tumbuh subur di kawasan ini

Diubahsuai daripada, (<http://www.slideshare.net/vairam99/99-tamil-flowers>)

Puisi-puisi KTK dibentuk berdasarkan lima jenis bentuk muka bumi yang tersebut di atas. Kelima-lima bentuk muka bumi dirujuk sebagai ‘*aintiṇai*’,(K.Baskaran, 1979:59) Penganalisaan terhadap KTK dapat mendedahkan konsep *akam* dengan lima jenis bentuk muka bumi yang dapat diwakilkan dalam jadual seperti berikut:-

Jadual 2.17: Perkaitan Teks Tema *Akam* Dengan Konsep *Aintinai*

Teks / Bentuk Muka bumi	<i>Kuriñci</i>	<i>Neytal</i>	<i>Pälai</i>	<i>Mullai</i>	<i>Marutam</i>	Jumlah
<i>Kuruntokai</i>	147	71	90	45	48	401
<i>Narrinai</i>	131	102	104	30	32	399
<i>Akanāñūru</i>	80	40	200	40	40	400
<i>Aiñkurunūru</i>	100	96	100	100	100	496
<i>Kalittokai</i>	29	33	35	17	35	149
<i>Paripāṭal</i>	-	-	-	-	8	8
<i>Mullaippāṭtu</i>	-	-	-	1	-	1
<i>Neṭunalvāṭai</i>	-	-	-	1	-	1
<i>Kuriñcippāṭtu</i>	1	-	-	-	-	1
<i>Patṭinappālai</i>	-	-	1	-	-	1
Jumlah	488	342	530	234	263	1857

Diubahsuai daripada, Kavya Shanmuga Sundram (2010:568)

Terdapat tema-tema khusus dalam tema *akam* yang dikenali sebagai *uripporul* (S.N.Kanthasamy, 1994:38). Kelima-lima *uripporul* tersebut ialah pertemuan, penantian, penantian cemas, kecurangan suami, isteri merajuk dan perpisahan sementara waktu (T.Vasanthal, 1990:109). Setiap tema khusus dalam puisi-puisi *akam* dikaitkan dengan salah sebuah kawasan daripada *aintinai*. (S.Singaravelu, 2006: 118). Di kawasan *Kuriñci* berlaku pertemuan pasangan cinta, di *Mullai* pula merujuk kepada penantian sabar si *Talaivi*. Kawasan *Marutam* merujuk perbuatan tidak setia, *Neytal* menggambarkan keadaan menunggu dengan penuh keimbangan dan di kawasan *Pälai* menggambarkan perpisahan sementara (S.M.Ponniah, 2005: 3).

Bentuk muka bumi bukan sahaja mempengaruhi cara hidup masyarakat dari segi makanan, pekerjaan, kepercayaan malah, mempengaruhi perasaan manusia. (S.Saradhampal, 1993:117). Dalam hal ini, terdapat satu perkaitan yang unik antara antara lima jenis bentuk muka bumi dengan tema khusus dan fasa perkembangan cinta yang digambarkan dalam KTK dapat diwakilkan dalam jadual seperti berikut:-

Jadual 2.18: Perkaitan Bentuk Muka bumi (*Tinai*) Dengan Tema Khusus Dan Fasa Perkembangan Cinta

Bentuk Muka bumi	Tema Khusus	Fasa Perkembangan Cinta
<i>Kuriñci</i>	Pertemuan	<i>Kurinci</i> diberikan tema pertemuan. Hal ini adalah kerana kawasan pergunungan merupakan kawasan yang indah dengan flora, air terjun, bunyi kicauan burung serta udara yang nyaman dan menyegarkan. Kawasan dan keadaan seperti ini amat sesuai bagi dua insan yang dilamun cinta untuk bertemu tanpa pengetahuan orang lain supaya dapat meluahkan perasaan hati dalam satu suasana yang baik. Episod pertemuan itu boleh berlaku dalam pelbagai situasi seperti secara kebetulan, dan melalui proses penyelamatan yang dilakukan oleh <i>talaivan</i> ke atas talaivi apabila <i>talaivi</i> menghadapi situasi bahaya.
<i>Mullai</i>	Penantian	<i>Mullai</i> diberikan tema penantian dengan sabar. Kawasan ini tidak berbahaya. Setiap kali ternakan dibawa untuk meragut ianya akan kembali dengan selamat. Dalam keadaan sebenar <i>talaivi</i> menanti kepulangan <i>talaivan</i> dalam keadaan sabar kerana <i>talaivan</i> akan selamat kembali seperti sifat kawasan itu yang selamat.
<i>Neytal</i>	Penantian cemas	<i>Neytal</i> membawa tema penantian cemas dan menandakan kawasan pantai yang antara kawasan yang berbahaya. Para nelayan yang turun ke laut, tidak tentu akan kembali dengan selamat. Pekerjaan di laut sentiasa terdedah kepada pelbagai ancaman seperti ribut dan kejadian ombak besar yang boleh menyebabkan bot-bot mereka karam. Oleh yang demikian, setiap ahli keluarga sentiasa berasa cemas apabila ahli keluarga mereka turun ke laut untuk menangkap ikan. Begitulah keadaan seorang <i>talaivi</i> yang menanti kepulangan <i>talaivan</i> dengan perasaan cemas.
<i>Marutam</i>	Kecurangan si suami ; si isteri merajuk	<i>Marutam</i> menjelaskan tema perlakuan curang oleh si suami ataupun sikap merajuk si isteri akibat tindakan suami yang berlaku curang. Kawasan <i>marutam</i> merupakan kawasan sawah padi. Kesuburan tanah ini menyebabkan tumbuhan dan binatang dapat hidup dalam keadaan baik. Oleh yang demikian, manusia dapat mempunyai dan menikmati kekayaan yang berlebihan akan cuba mencari keseronakan di luar rumah. Pada masa yang sama terdapat beberapa wanita yang melacurkan diri demi mencari kekayaan. Apabila <i>talaivan</i> (si suami) melawat rumah pelacur dan kembali ke rumah selepas berseronak, <i>talaivi</i> (si isteri) merajuk dan menutup pintu rumah dan tidak benarkan <i>talaivan</i> masuk ke dalam rumah. Hal ini menyebabkan <i>talaivan</i> membawa para tetamu ataupun pelawat semasa kembali dari rumah pelacur kerana <i>talaivi</i> tidak dapat menunjukkan kemarahanannya di hadapan pelawat. Dengan ini <i>talaivan</i> dapat masuk ke rumah.
<i>Pälai</i>	Perpisahan sementara	<i>Pälai</i> membawa tema perpisahan sementara. <i>Pälai</i> merupakan sebuah kawasan yang kering dan panas, menyebabkan kehidupan di kawasan ini amat perit dan tidak disukai oleh sesiapa. Begitu juga dengan <i>talaivi</i> yang tidak suka hidup berpisah dengan <i>talaivan</i> . Kawasan gurun akan memanaskan sesiapa sahaja yang melewatiinya. Begitu juga perpisahan membawa kepanasan hati kepada orang-orang yang terlibat. Jadi hubungan kebencian terhadap kawasan gurun disamakan dengan perasaan kebencian untuk berpisah dan hasil penderitaan hidup berpisah disamakan dengan penderitaan hidup di kawasan cuaca yang panas.

Diubahsuai daripada, Tamillannal, (2008:12) dan Baskaratasu (1987:47)

KTK membahagikan tema cinta kepada dua lagi tema khusus. Pertamanya ialah cinta sepadan dan keduanya cinta tak sepadan. (N.Suppureddiyar, 1981:14). Cinta yang sepadan merujuk kepada sepasangan kekasih yang mempunyai persamaan dari segi umur di mana lelaki mesti tua daripada perempuan (S.M.Ponniah, 1997:4). Cinta yang sepadan ini melalui dua peringkat iaitu, kehidupan percintaan sebelum berkhawin yang dikenali sebagai *kalavu* dan kesetiaan selepas perkhawinan yang dikenali sebagai *karpu* (K.Zvelebil, 1973:92-93). Dalam hal ini, konsep *kalavu* dapat diperlihat dalam *Kuriñci tinai* dan konsep *karpu* dilihat dalam tiga *tinai* (*marutam, mullai* dan *neythal*) yang lain. Dalam *Pälai tinai*, terdapat kedua-dua konsep *karpu* dan *kalavu* (A.Pandurangan, 2002:8).

Istilah *kalavu* membawa maksud kehidupan bercinta antara seorang teruna dengan seorang anak dara tanpa pengetahuan ibu bapa mereka (K.S.Ramaswamy Sastry, 1967:39-40). Walaupun mereka bersendirian namun pertemuan mereka tidak akan melampaui batas (N.Suppureddiyar, 1981:46-48). Cinta antara dua orang kekasih hendaklah sesuai dan sepadan. Ini merupakan salah satu konvensi puisi-puisi *akam* (M.Rasa Manikkanar, 2010:22). Istilah *karpu* pula merujuk kepada satu keadaan kehidupan selepas perkhawinan antara sepasang suami dan isteri yang menjalinkan satu hubungan yang penuh kesetiaan. Hal ini adalah kerana, konsep kesetiaan seorang isteri terhadap suami dititikberatkan dalam kehidupan masyarakat Tamil (K.S.Ramaswamy Sastry, 1967:42). Apabila berlaku perpisahan akibat seseorang suami terpaksa meninggalkan isteri kerana mencari ilmu, kekayaan ataupun kerana melaksanakan perintah Raja, seorang isteri tidak boleh berlaku curang (K.Zvelebil, 1973:92-93).

KTK menyatakan cinta yang wujud adalah berdasarkan nafsu sahaja. Keadaan cinta terhadap anak sunti, cinta sehala iaitu, tidak berbalas dan cinta seorang perempuan yang lebih tua dengan lelaki yang lebih muda, memperjelaskan konsep cinta yang tidak sepadan tersebut (S.M.Ponniah, 1997:4). Cinta yang tidak sepadan ini dibahagikan kepada dua iaitu, *Peruntinai* dan *Kaikkilai* (M.Manivel, 1992:14). Dalam *peruntinai* pasangan kekasih tersebut mungkin bercinta di antara satu sama lain tetapi cinta tersebut berdasarkan kepada tarikan kecantikkan tubuh fizikal masing-masing sahaja. Manakala *Kaikkilai* merupakan cinta yang tidak berbalas dan dianggap sebagai di luar cinta sebenar (T.Vasanthal, 1990: 109-110).

Setiap satu puisi *akam* seolah-olah merupakan sebuah episod ataupun drama (T.P.Meenakshisundaran,1965:22) yang terdiri daripada beberapa watak-watak tertentu yang hanya dikenali dengan istilah-istilah yang am sahaja. Watak-watak tersebut tidak dikenali sebagai dengan nama sebenar (S.V.Subramaniam,2006: 11). Antaranya ialah *talaivan* yang menggambarkan seorang teruna/kekasih lelaki/hero dan *talaivi* pula menandakan si gadis/kekasih perempuan. Selain daripada itu, terdapat istilah *tōli* yang merujuk kepada teman wanita kepada *talaivi* dan *pāṅkay* iaitu, teman lelaki kepada *talaivan* dan *cevili* merupakan ibu pengasuh kepada *talaivi* (T.Vasanthal, 1990:256).

Dalam setiap puisi mungkin terdapat beberapa watak terlibat ataupun sekurang-kurangnya terdapat dua watak sahaja yang terlibat (Tamilannal,1994:169). Puisi-puisi ini dalam bentuk drama dan dialog iaitu, perbincangan antara dua atau tiga orang ataupun berbentuk monolog dalaman ataupun monolog luaran (M.Rasa Manikkanar, 2010:22). Antara watak-watak yang terdapat dalam KTK dapat diperjelaskan seperti berikut:-

Jadual 2.19: Watak dan Perwatakan Dalam KTK

Watak	Perwatakan
<i>Talaivan</i> Hero	<i>Talaivan</i> merupakan seorang yang mulia, baik budi pekerti, berani menghadapi bahaya, perwira dan pengasih. Mengikut pandangan para penyair, seseorang <i>talaivan</i> seharusnya memilki sifat-sifat yang mulia.
<i>Talaivi</i> Heroin	<i>Talaivi</i> merupakan seorang gadis yang lemah lembut, berbudi pekerti halus, selalu mengenangkan <i>talaivan</i> semasa <i>talaivan</i> berpisah untuk mencari kekayaan, berkhidmat di tempat lain dan sebagainya. <i>Talaivi</i> juga digambarkan sebagai gadis yang sangat baik budi pekertinya.
<i>Tōli</i> Teman Perempuan kepada <i>talaivi</i>	<i>Tōli</i> merupakan seorang yang bijak dan selalu memberi nasihat yang berguna kepada <i>talaivi</i> . Dia juga merupakan perutusan cinta bagi <i>talaivi</i> kepada <i>talaivan</i> . Adakalanya <i>tōli</i> menegur <i>talaivan</i> yang suka lewatkan proses perkahwinan dan ada kalanya disangsi tidak berlaku setia kepada <i>talaivi</i> .
<i>Pāñkan</i> Teman Lelaki kepada <i>talaivan</i>	<i>Pāñkan</i> yang merupakan kawan baik <i>talaivan</i> , sentiasa bersedia memberi nasihat dan membantu menjayakan cinta <i>talaivan</i> terhadap <i>talaivi</i> .
<i>Cevili</i> Ibu pengasuh kepada <i>talaivi</i>	<i>Cevili</i> merupakan ibu pengasuh yang menjaga serta memperbesarkan <i>talaivi</i> sejak kecil lagi. Hubungan <i>talaivi</i> dengan <i>cevili</i> adalah amat rapat sekali.

Diubahsuai daripada, P.T.Srinivasa Aiyanggar (1995:162-165).

Watak-watak yang membicarakan tema *akam* dapat dikesan dalam KTK dapat disenaraikan dalam jadual seperti berikut:-

Jadual 2.20: Senarai Kandungan Watak Dalam KTK

Bil	Teks	Hero	Heroin	<i>Tōli</i>	<i>Ibu</i>	<i>Parattaiyar</i>	Lain	Jumlah
01.	<i>Kuruntokai</i>	61	180	141	9	5	5	401
02.	<i>Narrinai</i>	75	83	218	11	9	3	399
03.	<i>Akanāñūru</i>	102	97	162	25	9	5	400
04.	<i>Aiñkurunūru</i>	94	150	196	26	20	12	498
05.	<i>Kalittokai</i>	11	39	63	-	8	28	149
06.	<i>Paripātal</i>	-	1	4	-	-	3	8
07.	<i>Mullaippāṭṭu</i>	-	-	-	-	-	1	1
08.	<i>Neṭunalvāṭai</i>	-	-	-	1	-	-	1
09.	<i>Kuriñcippanāṭṭu</i>	-	-	1	-	-	-	1
10.	<i>Patīṇappālai</i>	1	-	-	-	-	-	1
Jumlah		344	550	785	72	51	57	1859

Diubahsuai daripada, Kavya Shanmuga Sundram (2010:569)

Walaupun kesusasteraan lain yang terdapat dalam dunia, turut membicarakan tema cinta, namun ciri yang membezakan dengan konsep tema *akam* dalam KTK ialah peraturan-peraturan yang digelar sebagai konvensi mengikat cara persembahan puisi-puisi tema *akam* yang menyebabkan ianya mempunyai nilai tersendiri (M.Karthigeyan, 2008: 37-38). Hal ini adalah, kerana tema cinta yang dibawa oleh puisi-puisi *akam* hanya membicarakan cinta yang suci, sambil memberi nasihat dan panduan bagi kesejahteraan pasangan hidup. Tema *akam* seolah-olah mendidik tentang hubungan manusia dan kehidupan berkeluarga (Va.Cuba Manikkam, 2009:257-261).

2.4.5.2 Tema *Puram*

Tema *puram* menggambarkan perasaan luaran yang berkait rapat dengan kehidupan politik, ekonomi dan sosial (P.Ramanathan, 1998:60). Jika *akam* hanya dapat dinikmati oleh pasangan kekasih, *puram* pula dapat dinikmati oleh kebanyakan orang (K.S.Ramaswamy Sastry, 1967: 43). Tema *puram* mengisahkan kehidupan sehari-hari masyarakat yang berkaitan dengan alam pekerjaan, pendidikan, kemiskinan dan kekayaan (K.A.Nilakanta Sastri, 1964: 127). Sebahagian besar puisi-puisi *puram* menghuraikan tentang peristiwa peperangan serta memperlihatkan keperwiraan dan kemuliaan seorang Raja (C.S.S. Soma Suntaranar, 2006:589). Walaupun peperangan memberi keutamaan kepada konsep heroism, namun demikian peperangan juga membawa kepada kemasuhan harta benda dan nyawa yang turut ditekan dalam puisi-puisi KTK (R.Dhandayudham, 1978: 134).

Cetusan perasaan yang diluahkan dalam puisi-puisi *puram* adalah perasaan seseorang individu dan bukan seperti tema *akam* yang melibatkan perasaan orang lain (K.A.Nilakanta Sastri, 1964:127). Puisi-puisi *puram* membawa mesej bahawa seseorang tidak boleh mementingkan diri sendiri tetapi hidup untuk menjaga kebajikan orang lain (P.Ramanathan, 1998: 65). Tema *puram* dikatakan bersifat objektif iaitu, sebagai suatu ucapan yang bersifat luas dan bukan merupakan pendapat yang berdasarkan emosi sahaja. Pandangan tersebut adalah berdasarkan kepada nilai-nilai kekemasan, keperwiraan yang berkaitan dengan kenyataan hidup (S.M.Ponniah, 2005:22).

Ada beberapa istilah yang digunakan untuk menandakan tema khusus *puram* yang dirujuk sebagai *turai* (S.Singaravelu, 2006: 118). Istilah-istilah yang digunakan adalah merupakan nama berbagai jenis bunga. Para tentera akan memakai replika bunga yang diperbuat daripada logam sebagai tanda semasa menyertai perang (C.Jesudasan,1961:16). Replikasi ini dipakai sebagai tanda kenangan dalam proses perang. Lima jenis replika bunga itu ialah *Vetci*, *Vañci*, *Uliñai*, *Tumpai*, dan *Väkai* (S.M.Ponniah, 1997:14). Perkaitan antara tema *puram* dengan tahap-tahap perang yang berlaku dalam sesebuah negara dapat diperjelaskan dalam jadual seperti berikut:-

Jadual 2.21: Perkaitan Antara Tema Puram Dengan Tahap-Tahap Peperangan

Turai dan Bunga Replika	Tahap-Tahap Peperangan	Turai dan Bunga Replika	Tahap-Tahap Peperangan
 <ul style="list-style-type: none"> Common Name: Scarlet Ixora Botanical name: Ixora coccinea L. <p>http://www.flowersofindia.net/catalogue/flowers/flower320red.htm</p> <p>http://ikanknika.org/</p> <p>10</p>	<p>Bunga <i>Vetci</i> (<i>Ixora coccinea</i>) dipakai oleh para tentera semasa memulakan perang. <i>Vetci</i> menandakan permulaan perang di mana proses menangkap dan memenjarakan lembu pihak lawan akan dilakukan. Hal ini adalah kerana lembu melambangkan kekayaan dan selalu dirampas oleh musuh. Melalui proses penculikkan lembu-lembu ini para Raja berharap dapat memperkayakan khazanah negaranya.</p>	 <ul style="list-style-type: none"> Common Name: Rattan Palm Botanical name: Calamus rotang L. Ornaments/dress can be made using the fiber <p>https://en.wikipedia.org/wiki/Calamus_rotang</p> <p>http://ikanknika.org/</p> <p>90</p>	<p>Bunga <i>Vañci</i> (<i>Calamus rotang</i>) dipakai semasa proses perang iaitu, menyerang sesebuah negara yang lain berlaku.</p>
	<p><i>Uliñai</i></p>		<p><i>Uliñai</i> menggambarkan proses mengepung kota pihak lawan.</p>
 <ul style="list-style-type: none"> Common Name: Bitter toombay Botanical name: Leucas aspera (Wild.) Link <p>http://species.wikimedia.org/wiki/Leucas_aspera</p> <p>http://www.flowersofindia.net/catalogues/white_vahu/57457886.htm</p> <p>http://ikanknika.org/</p> <p>93</p>	<p>Bunga <i>Tumpai</i> (<i>Leucas aspera</i>) dipakai semasa perang hebat berlaku. <i>Tumpai</i> menggambarkan keadaan perang yang melibatkan Raja kedua-dua belah negara.</p>	 <ul style="list-style-type: none"> Common Name: Siris tree Botanical name: Albizia lebbeck (L.) Benth. <p>http://species.wikimedia.org/wiki/Albizia_lebbeck</p> <p>http://www.flowersofindia.net/catalogues/white_vahu/57457886.htm</p> <p>http://ikanknika.org/</p> <p>21</p>	<p>Bunga <i>Väkai</i> (<i>Albizia lebbeck</i>) dipakai oleh pihak yanh menang dalam perang. <i>Väkai</i> menggambarkan peristiwa merayakan kemenangan oleh Raja dan rakyat dalam perang.</p>

Diubahsuai daripada, M.Mathialagan (1997:6-11-13) dan <http://www.slideshare.net/vairam99/99-tamil-flowers>

Istilah-istilah ini digunakan untuk menandakan pelbagai tahap perperangan. Akhirnya pihak menang akan memakai bunga *Vākai* sebagai tanda kemenangan (M.Mathialagan, 1997:6-11-13) Istilah *Kāñci* membawa tema perjuangan untuk kecemerlangan atau keutamaan yang boleh berlaku dalam apa-apa sahaja bidang manakala istilah *Pāṭan* menandakan permintaan bingkisan oleh seseorang penyair dari mana-mana pemerintah atau orang kaya dengan memuji orang tersebut. *Pāṭan* juga menandakan ratapan seseorang terhadap kematian seseorang yang mulia yang telah memberi sumbangan kepada masyarakat dengan cemerlang (K.Pandurangan, 1986:246).

Puisi-puisi yang bertemakan *puram* yang dicipta oleh para penyair sememangnya mengetahui tentang seorang Raja (C.Bala Subramaniam, 1959:31). Hal ini adalah kerana, Raja-Raja selalunya bermurah hati memberikan sokongan dengan memberi hadiah kepada para penyair yang biasanya berada dalam keadaan kemiskinan(K.S.Ramaswamy Sastry, 1967:23). Oleh yang demikian, sokongan daripada orang berada seperti itu amat perlu untuk perkembangan bidang kesusasteraan (P.T.Srinivasa Aiyanggar, 1995:158).

Namun demikian, para penyair tidak akan mengadaikan maruah mereka semata-mata untuk mendapatkan kekayaan dari seorang Raja (M.Arokiaswami, 2011:23). Para penyair hanya akan memuji seseorang Raja ataupun golongan kaya yang layak dipuji kerana memiliki sifat-sifat yang mulia. Jika seseorang Raja itu tidak lagi menghormati para penyair, maka mereka akan terus meninggalkan istana demi menjaga maruah diri dan kemuliaan bahasa dan tradisi kesusasteraan Para penyair tidak akan bercakap bohong semata-mata untuk menikmati kehidupan yang mewah (S.N.Kandaswamy,1996:87).

Puisi-puisi *puram* menyanjung tinggi beberapa perkara. Selain menyanjung tinggi Raja yang bertindak sebagai ketua negara, para penyair turut menyanjung tinggi perkara-perkara mulia yang sepatutnya diamalkan oleh seseorang dalam kehidupan (K.V.Jaganathan, 1952: i). Sifat murah hati adalah salah satu sifat yang dianggap mulia kerana dapat membantu mereka yang kurang bernasib baik. Kepentingan pendidikan, peranan para petani sebagai pembekal makanan, keperluan mencari harta benda dan pemikiran kerohanian juga ditekankan dalam puisi-puisi *puram* (S.M.Ponniah, 2005:22).

Keberanian ialah satu lagi sifat yang diberi penghargaan tinggi, bukan sahaja dalam bidang peperangan, malah dalam semua bidang. Peranan penyair (*pulavar*) juga disanjung tinggi kerana meraka merupakan golongan terpelajar yang sentiasa memberikan khidmat nasihat kepada Raja untuk mengatasi pelbagai masalah kemiskinan (S.Singaravelu, 1966:174). Oleh yang demikian, tema *puram* dapat mencerminkan pelbagai pemikiran MTA kerana ianya memfokuskan perilaku manusia dalam pelbagai bidang.

Walaupun terdapat satu perbandingan yang ketara antara tema *akam* dan *puram*, namun para penyair zaman *Sangam* dapat mewujudkan satu perkaitan yang mengakumkan antara kedua-dua tema *akam* dan *puram* (R.Dhandayudham, 1978:141). Hal ini mungkin kerana nilai kecintaan dan keberanian merupakan dua elemen penting yang mewarnai kehidupan MTA (S.Vaiyapuri Pillai, 2006: 4). Hubungan antara tema *akam* dan *puram* dapat diperjelaskan seperti berikut:-

Jadual 2.22: Perkaitan Antara Tema *Akam* Dengan Tema *Puram*

Tema <i>Akam</i>	Tema <i>Puram</i>	Perkaitan Antara Tema <i>Akam</i> Dan <i>Puram</i>
<i>Kuriñci</i>	<i>Vetci, Karantai</i>	<i>Vetci</i> ialah proses mencuri lembu-lembu musuh tanpa pengetahuan Raja lawan. Ianya yang dilakukan pada waktu malam manakala pertemuan dua orang kekasih di kawasan <i>Kuriñci</i> juga berlaku di waktu malam yang menunjukkan persamaan dari segi <i>mutalporul</i> iaitu, waktu malam. Aktiviti pertemuan ini berlaku tanpa pengetahuan ibubapa.
<i>Mullai</i>	<i>Vañci</i>	<i>Vañci</i> ialah proses persiapan perperangan yang dilakukan dengan fikiran yang tenang dan sabar menanti waktu untuk berperang. Oleh yang demikian tema penantian di <i>mullai</i> dikaitkan dengan <i>Vañci</i> .
<i>Marutam</i>	<i>Uliñai, Nocci</i>	<i>Uliñai</i> ialah proses pengebungan dan dalam <i>Marutam</i> Peristiwa ini dikaitkan dengan pembuatan suami curang yang ingin masuk rumah tetapi dihalang oleh isteri. Jika pintu kota ditutup untuk menghalang kemasukan musuh, pintu rumah pula ditutup oleh isteri bagi menghalang kemasukan suami yang baru pulang daripada rumah pelacur.
<i>Neytal</i>	<i>Tumpai</i>	Dalam situasi <i>Tumpai</i> perperangan yang hebat berlaku dan keadaan ini membawa kepada satu keadaan yang cemas kerana tidak dapat menjangkakan pengakhiran perperangan. Dalam tema khusus <i>Neytal</i> ahli keluarga juga menanti kepulangan para nelayan dalam keadaan yang cemas.
<i>Pälai</i>	<i>Väkai</i>	Konsep <i>Väkai</i> dikaitkan dengan <i>Pälai</i> . <i>Väkai</i> ialah sambutan kemenangan para tentera yang digambarkan dalam pelbagai cara sama seperti di <i>Pälai</i> yang membawa kepada perpisahan yang juga digambarkan dengan pelbagai cara. Di <i>Väkai</i> , rakyat gembira mendengar askar-askar mereka menang, manakala di <i>Pälai</i> kekasih wanita mendengar kepulangan kekasih lelakinya. Walaupun ada pihak yang menang dan kalah, kesedihan itu memang dirasakan oleh kedua-dua pihak. Pihak tentera walaupun gembira kerana dapat mencapai kemenangan, namun mereka turut bersedih mengenangkan rakan-rakan yang terkorban di medan perperangan. Di kawasan <i>Pälai</i> , walaupun <i>talaivi</i> tahu bahawa perpisahan <i>talaivan</i> adalah untuk mencari harta supaya dapat berkhawin dengannya, namun perpisahan itu amat menyedihkan. Keadaan para tentera yang menang yang berada dalam kesedihan kerana teringat rakan perjuangan yang terkorban disamakan dengan keadaan pasangan yang turut berada dalam kesedihan walaupun cinta mereka berjaya kerana terpaksa korbankan kasih sayang ibubapa.

Diubahsuai daripada, S.N.Kandaswamy (1994: 99-299)

2.4.6 Konsep Pemikiran Dalam Kesusasteraan Tamil Klasik

KTK memaparkan empat nilai pemikiran yang menjadi sebahagian daripada kehidupan MTA. Empat nilai pemikiran tersebut ialah *aram* (*dharma*) - kebenaran, *porul* (*artha*) – ketatanegaraan, *inpam* (*kama*) – cinta serta kenikmatan kebebasan kerohanian, *vīṭu* (*moksha*). Dalam hal ini, tema *akam* menjelaskan pemikiran *inbam*, manakala tema *puram* menjelaskan tema ‘*aram*’, ‘*porul*’ dan ‘*vīṭu*’. Cerminan keempat-empat pemikiran ini saling berkaitan antara satu sama lain (N.Kanthasamy, 2006:123).

Konsep ‘*inpam*’ iaitu, cinta merupakan nadi dalam kehidupan dunia dan menjurus kepada naluri biologikal manusia. Namun, ianya perlu dilengkapkan dengan nilai ‘*aram*’ dan ‘*porul*’ bagi menjamin kehidupan yang sejahtera (Kothandapani Pillai, 1962: 25). Dalam hal ini puisi-puisi *Sangam* memaparkan pemikiran tentang konsep ‘*dharma*’ daripada perspektif seorang Raja sehingga seorang rakyat biasa. Cantuman kedua-dua pemikiran ‘*aram*’ dan ‘*porul*’ bersama-sama dengan ‘*inpam*’ dapat menggorak langkah ke arah pencapaian kebahagian rohani iaitu, ‘*vīṭu*’ yang sekaligus menekankan nilai Pemikiran Kerohanian yang dibincangkan dalam bab tiga.

2.4.7 Kesimpulan

Kesusasteraan merupakan salah satu elemen yang penting dalam usaha manusia mengungkit kembali sejarah dan ketamadunan sesebuah masyarakat (N.Subrahmanian, 1966: 18). KTK merupakan warisan budaya Tamil yang penting dan disanjungi bukan kerana ianya merupakan tulisan terawal tetapi disebabkan nilai-nilai sastera yang dipunyai

(S.Sivagamy, 1999:162). Selain daripada hasil karya kesusasteraan, ianya turut mencerminkan pemikiran budaya MTA dalam bidang politik, ekonomi dan sosial. (K.V.Bala Subramaniam, 1994:342)

Sesungguhnya KTK klasik menjadi lambang kemegahan masyarakat Tamil kerana dianggap sebagai zaman kegemilangan kesusasteraan Tamil (Poovannan, 2001:19). Keaslian, kedalaman dan kesempurnaan KTK telah disahkan oleh para sarjana yang mahir lebih dari satu bahasa (S.N.Kandaswamy, 1996:83). Antaranya ialah K.A.Nilakanta Sastri (1964: 65) yang memberikan pandangannya terhadap KTK seperti berikut:-

'We have in Cankam classics a superb literature of incomparable force and beauty coupled with economy of telling expressions'.

K.K Pillai (1969: 412-413) yang berkongsi pandangan di atas menjelaskan akan kepentingan KTK secara khusus seperti berikut:-

"Literature is the autobiography of mankind. Even where it is not of the character of historical literature, it portrays the life, thought and aspirations of the concerned people. This is remarkably so of the early Tamils whose literature depicts a conspicuous affinity to reality. The Sangam literature in particular provides true and vivid pen pictures".

Kemegahan dan keagungan KTK tidak akan diketahui umum jika tiada kajian-kajian baru yang dapat menghubungkaitkan khazanah ini dengan teori dan model terkini yang terdapat dalam dunia penyelidikan. Hasil kajian KTK harus dikemukakan dalam pelbagai bahasa dunia. supaya KTK dapat pengiktirafan daripada sarjana-sarjana di setiap pelusuk dunia (S.N.Kandaswamy, 1996:83). Oleh yang demikian, kajian ini diharap dapat memenuhi serba sedikit kekurangan tersebut.